



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5581]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5606]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keempat)—

Jadual

Kepala B. 31 [Ruangan 5607]

Kepala B. 15 [Ruangan 5619]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keempat)—

Kepala P. 31 [Ruangan 5607]

Kepala P. 15 [Ruangan 5619]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesibatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- „ **Menteri Tak Berfotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- „ **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- „ **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EOMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIF HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIX (Mata Kuching).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANAK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENO (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- „ **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Somerah).**
- „ **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).**
- „ **TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).**
- „ **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).**
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).**
- „ **DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).**
- „ **TUAN HEBHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).**
- „ **TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).**
- „ **TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).**
- „ **TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).**
- „ **TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).**
- „ **TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).**
- „ **TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).**
- „ **DR LIM CHONG EU (Tanjong).**
- „ **TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).**
- „ **DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).**
- „ **TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).**
- „ **TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).**
- „ **DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).**
- „ **TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).**
- „ **DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).**
- „ **TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMED SOPIEB BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).**
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**
- „ **DATUK ENSKU MURSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).**

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHAUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MRYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAID BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kemping).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 18hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG MENINGGAL DUNIA SEBELUM CUKUP TEMPOH PERKHIDMATAN

1. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar ada pegawai-pegawai Kerajaan yang meninggal dunia sebelum cukup tempoh masa perkhidmatan mereka dan mereka ini ada meninggal tanggungan dan hutang-hutang yang tidak terikat dengan mana-mana Insuran. Tidakkah Kerajaan bercadang menubuhkan satu badan swasta Insuran Pegawai-pegawai Kerajaan yang mana perimumnya dipotong dari gaji-gaji mereka untuk kemudahan kepada peninggalan mereka apabila mereka meninggal dunia.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, memang ada kes-kes kakitangan Kerajaan yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dengan meninggalkan tanggungan dan setengah-setengahnya pula meninggalkan hutang kepada Kerajaan dan lain-lain pihak.

Bagaimanapun, kakitangan Kerajaan yang meninggal dunia itu ada mendapat faedah daripada skim-sekim tamat saaraan seperti pencen keluarga, pencen tanggungan, bayaran pampasan, bayaran saguhati dan lain-lain lagi, yang mana ini boleh menolong meringankan beban tanggungan mereka itu. Bagi mereka yang berhutang dengan Kerajaan kerana pinjaman membeli rumah, mereka dinasihatkan mengambil satu Skim atau Polisi Insuran Nyawa khas untuk memberi perlindungan kepada pinjaman mereka

itu. Di bawah polisi ini, jika seseorang itu meninggal dunia semasa beliau belum habis membayar hutang pinjamannya, maka pihak insurannya akan membayar kepada Kerajaan, baki pinjaman yang belum dijelaskan. Tujuan skim ini ialah untuk meringankan bebanan keluarga dan tanggungan kakitangan Kerajaan yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

Kerajaan memang melarang kakitangannya menanggung taraf hidup yang tidak sepadan dengan gaji mereka dengan cara berhutang atau dengan apa-apa cara yang meletakkan dirinya bertanggung wang kepada seseorang lain yang menyebabkan kesusahan berat kerana hutang.

Memandangkan kepada penjelasan saya itu, Kerajaan setakat ini tidak bercadang hendak menubuhkan satu Badan Insuran bagi perlindungan pembayaran hutang yang dibuat oleh pegawai-pegawai Kerajaan seperti cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

PERKEMBANGAN PENDUDUK MALAYSIA

2. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah atau berapa peratuskah bertambahnya penduduk Malaysia semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Dan berapa banyak pula pendapatan negara bertambah dalam masa yang sama. Adakah penambahan kedua-dua ini seimbang mengikut kadar yang ada sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, hitung panjang perkembangan tahunan penduduk Malaysia sepanjang lima tahun yang lepas (1971-1975) adalah 2.7% setahun, sementara Keluaran Negara Kasar (K.N.K.) bagi tempoh yang sama berkembang sebanyak 7.1% setahun mengikut harga sebenar dan 12.3% setahun mengikut harga semasa.

Adalah diperhatikan bahawa K.N.K. telah berkembang dengan lebih pesat jika dibandingkan dengan perkembangan penduduk. Dengan itu, pendapatan negara per kapita telah berkembang dari \$1,164 dalam tahun 1970 kepada \$1,512 dalam tahun 1976, penambahan sebanyak 29.9% dalam ertikata sebenarnya. Ini menunjukkan bahawa taraf hidup telah bertambah baik berikutan dengan perkembangan ekonomi yang pesat.

Seperti yang mana jua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, butir-butir selanjutnya boleh didapati dari buku Rancangan Malaysia Ketiga (Bab II) dan juga Lapuan Ekonomi Perbendaharaan yang baru sahaja dibentangkan dalam Parlimen. Oleh hal yang demikian saya harap Ahli yang Berhormat bolehlah meneliti dokumen tersebut jika seki anya ingin mengetahui dengan lebih lengkap lagi berkenaan dengan perkembangan ekonomi semasa ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu birth rate setakat 2.7% yang dikatakan telah dicapai itu adakah memuaskan hati dan juga rancangan keluarga (family planning) yang dijalankan oleh Kerajaan ini adakah memberi kesan yang baik?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan pertama tentang puas hati atau tidak puas hati itu tidak payah dijawab. Kepuasan tidak ada tertentu, bergantung kepada orangnya. (*Ketawa*).

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya bertanya itu berkehendakkan apakah target yang ditujukan iaitu 2.7% itu adakah untuk keadaan negeri ini berkehendakkan turun kepada 2% ataupun boleh jadi 1% seperti negeri-negeri yang telah maju. Itu tujuan saya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan Kerajaan supaya mendapatkan percentage ini hingga 2.5% baru boleh dikatakan memuaskan—dari segi ekonomi, bukan dari segi perseorangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang kedua, sebab ada dua soalan tadi.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang kedua itu kalau boleh saya minta ulangkan sekali lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila ulang sekali lagi soalan yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Soal yang kedua kita telah mengadakan Rancangan Keluarga sudah beberapa tahun. Jadi, adakah kesannya baik, jikalau baik dapatkan penerangan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan luar daripada soalan asal.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi tambahan penduduk 2.7%. Apa yang saya ingin mendapat penjelasan sedikit, daripada jumlah 2.7% pertambahan ini mana yang lebih besar kalau dinisbahkan di luar banda dan di dalam bandar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu memerlukan notis untuk menjawabnya. Yang Berhormat Menteri tidak boleh menjawabnya pada waktu ini.

KEMALANGAN JALANRAYA

3. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandangkan semakin bertambahnya kejadian kemalangan di jalanraya sejak akhir-akhir ini terutamanya pada waktu hari-hari perayaan seperti hari raya atau sebagainya, bolehkah beliau menerangkan:

- berapa banyak kejadian kemalangan di jalanraya yang berlaku dalam tahun ini sehingga akhir bulan September, 1976 dan berapa banyak pula kemalangan yang serupa pada tahun yang lalu;
- dari kemalangan yang tersebut itu berapa pula jumlah kurban nyawa; dan
- apakah tindakan positif yang diambil bagi mengatasi atau mengurangkan kejadian kemalangan itu yang semakin bertambah walaupun kempen-kempen Keselamatan Jalanraya rancak dijalankan.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- Angka-angka kemalangan jalanraya sebagaimana yang dikehendaki ialah:

Tempoh	Jumlah kemalangan
Januari hingga September 1976	40,823
Januari hingga September 1975	40,833

- (b) Angka-angka kematian pula ialah seperti berikut:

<i>Tempoh</i>	<i>Jumlah kemalangan</i>
Januari hingga September 1976	1,826
Januari hingga September 1975	1,704

- (c) Berhubung dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya untuk mengurangkan bilangan kemalangan jalanraya, jawapan yang sama telah diberikan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam pada 8hb November, 1976 ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Oleh itu, tidaklah perlu saya ulangi sekali lagi jawapan tersebut untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini.

KHIDMAT NASIHAT DAN PEMBANGUNAN ENTERPRISE MARA

4. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berkenaan dengan Pinjaman Rancangan Membentuk Usahawan Baru melalui Bahagian Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprise MARA:

- (a) berapa banyakkah peruntukan bagi tahun 1976; dan
(b) berapa banyakkah pinjaman yang telah dikeluarkan di dalam tahun 1976.

Menteri Perusahaan Awam (**Datuk Haji Mohamed bin Yaacob**): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Pembentukan Usahawan Baru mulai dilancarkan oleh Bahagian Enterprise MARA pada bulan Julai, 1973 sebagai salah satu daripada usaha-usaha untuk menambah penyertaan Bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perdagangan.

Pada masa sekarang rancangan ini menjadi satu aktiviti penting bagi Bahagian ini di samping aktiviti asalnya iaitu memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada perusahaan dan perniagaan Bumiputra.

- (a) Peruntukan bagi tahun 1976 ialah \$200,000.
(b) Jumlah pinjaman dalam tahun 1976 (setakat 30-9-76) ialah 6 pinjaman bernilai \$108,500.

Ini adalah pinjaman tambahan kepada pinjaman-pinjaman yang biasa diberi oleh MARA.

BAYARAN KEPADA ANGGOTA TENTERA YANG TERKORBAN/TERCEDERA

5. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bayaran saguhati/pampasan perseorangan kepada anggota Pasukan Keselamatan:

- (a) Kematian semasa menjalankan tugas Operasi;
(b) Kematian Kemalangan bertugas biasa ataupun kemalangan-kemalangan lain;
(c) Kemalangan tidak meninggal dunia dalam masa operasi;
(d) Kemalangan dengan tugas biasa tidak meninggal dunia.

Timbalan Menteri Pertahanan (**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim**): Tuan Yang di-Pertua, bayaran-bayaran yang diberikan kepada anggota-anggota tentera yang terkorban/tercedera adalah seperti berikut:

- (a) Bagi kematian semasa menjalankan tugas operasi

- (i) pencen tanggungan seumur hidup atau hingga berkahwin semula mengikut kadar-kadar berikut:

- (a) di antara \$135 sebulan sehingga ke \$160 sebulan bagi anggota lain-lain pangkat mengikut pangkat mereka; dan

- (b) di antara \$250 sebulan sehingga ke \$800 sebulan bagi pegawai-pegawai mengikut pangkat mereka.

atau; mengikut perkiraan berdasarkan kepada jumlah tempoh perkhidmatan mereka, mana satu yang lebih.

- (ii) Ganjaran.

Di antara \$3,454-\$4,200 bagi anggota-anggota lain-lain pangkat mengikut pangkat mereka dan di antara \$6,560-\$21,000 bagi pegawai-pegawai mengikut pangkat mereka; atau

Ganjaran yang boleh mereka menerima berdasarkan kepada perkiraan yang boleh dibayar gaji jumlah tempoh perkhidmatan jika bayaran ganjaran ini adalah lebih dari kadar ganjaran yang disebutkan tadi.

(iii) saguhati sebanyak \$10,000 daripada kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara.

(b) *Bagi kematian dalam kemalangan bertugas biasa*

(i) Pencen tanggungan seumur hidup atau sehingga berkahwin semula mengikut kadar-kadar yang sama seperti yang dibayar kepada mereka yang terkorban semasa menjalankan tugas operasi; atau Mengikut perkiraan berdasarkan kepada jumlah tempoh perkhidmatan mereka, mana satu yang lebih.

(ii) Ganjaran mengikut kadar-kadar berikut:

Di antara \$2,530-\$3,000 bagi anggota lain-lain pangkat mengikut pangkat mereka, dan

Di antara \$4,690-\$15,000 pegawai-pegawai mengikut pangkat mereka; atau

Ganjaran yang boleh mereka menerima berdasarkan kepada perkiraan ganjaran yang boleh dibayar bagi jumlah tempoh perkhidmatan mereka jika bayaran ini adalah lebih dari kadar ganjaran yang disebutkan tadi.

Anggota-anggota tentera yang meninggal dunia semasa masih dalam perkhidmatan tetapi bukan alibat tugas-tugas tentera, adalah juga layak menerima pencen tanggungan mengikut kadar yang dibayar kepada mereka yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas operasi tetapi bayaran ini dibuat bagi 12½ tahun sahaja.

Pegawai-pegawai tentera hendaklah mempunyai perkhidmatan selama 10 tahun sekurang-kurangnya bagi mendapat faedah ini. Tidak ada apa-apa syarat yang telah ditetapkan bagi anggota lain-lain pangkat untuk mendapat faedah ini.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan (b) iaitu "kemalangan-kemalangan lain" saya ingin menerangkan bahawa anggota-anggota tentera yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan tetapi bukan akibat tugas-tugas mereka, jika layak menerima

faedah pencen, boleh juga dibayar ganjaran mengikut kadar-kadar berikut:

(i) Di antara \$2,025-\$2,400 bagi anggota lain-lain pangkat, mengikut pangkat.

(ii) Di antara \$3,750-\$12,000 bagi pegawai-pegawai, mengikut pangkat.

(c) *Bagi kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas operasi*

(i) Pencen tiada upaya atau ganjaran tiada upaya mengikut Peraturan Pencen Angkatan Tentera. Kadar pencen atau ganjaran yang boleh dibayar adalah berdasarkan kepada degree kecacatan atau ketidak upaya yang dialami. Bayaran ini hanya dibuat selepas tammat perkhidmatan anggota itu.

(ii) Saguhati daripada Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara mengikut kadar-kadar berikut:

(a) saguhati sebanyak \$2,000 bagi kecederaan yang dikelaskan sebagai parah oleh pegawai-pegawai perubatan.

(b) saguhati sebanyak \$300 bagi kecederaan yang dikelaskan sebagai ringan oleh pegawai-pegawai perubatan.

(d) *Anggota-anggota yang tercedera semasa menjalankan tugas biasa* adalah dibayar pencen atau ganjaran tidak upaya. Bayaran ini hanya dibuat selepas tamat perkhidmatan mereka. Kadar bayaran adalah mengikut degree kecacatan atau ketidak upaya yang dialami oleh mereka.

Selain daripada bayaran-bayaran yang tercatat di atas, anggota-anggota tentera yang meninggal dunia akibat kemalangan kapal terbang adalah juga layak untuk menerima "ex gratia payment" sebanyak 36 bulan gaji bersih mereka atau \$10,000 mana satu yang lebih.

Waris anggota-anggota tentera boleh juga menerima bantuan kebajikan daripada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Jenis-jenis bantuan dan golongan di antara mereka

yang layak menerimanya telahpun saya huraikan kepada Dewan ini semasa menjawab beberapa soalan Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa yang telah sudah.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, mengapa dan apakah asas-asas Kerajaan membezakan pembayaran di antara kategori A dengan B dan juga C dengan D.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, daripada namanya pun adalah berlainan iaitu kemalangan, macam (a) kematian biasa, (b) kematian kemalangan dan (c) kemalangan tidak meninggal dunia. Jadi keadaan yang melibatkan kematian atau kecederaan itu sendiri ada perbezaannya.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya perbezaan di antara (a) dengan (b) sama-sama mati; (c) dengan (d) sama-sama kemalangan tetapi circumstances kemalangan dan kematian ini berlainan. Tetapi mati juga dan cedera juga. Apakah asas Kerajaan membezakan dalam pembayaran. Adakah Kerajaan menganggap mereka di dalam operasi itu lebih penting daripada mereka yang memandu lori, memandu terak.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, di sini oleh sebab berbagai jenis tugas dijalankan oleh berbagai bahagian anggota di dalam angkatan tentera, jadi jenis ancaman ataupun kesulitan yang dihadapi oleh mana-mana satu anggota angkatan tentera itu adalah berbeza antara satu dengan lain. Jadi menimbangkan keadaan-keadaan yang dihadapi oleh mana-mana anggota itu berdasarkan kepada ini ditentukan bayaran-bayaran yang akan dibayar kepada tiap-tiap satu keadaan itu.

PENGUGURAN HARAM (ILLEGAL ABORTIONS)

6. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar bahawa menurut anggaran hospital kadar keguguran haram di Malaysia adalah tinggi seperti yang dibongkar baru-baru ini oleh Dr Margaret Sparrows, Presiden Persatuan Perubahan Undang-undang New Zealand, jika ya, apakah langkah Kementerian beliau akan ambil untuk menentang pengguguran-pengguguran haram.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, jawapannya tidak. Kenyataan Dr Margaret Sparrows di dalam akhbar itu telah dibuat secara bersendirian semasa lawatannya yang singkat ke Malaysia. Punca maklumat yang diperolehi olehnya tidaklah diketahui oleh Kementerian saya. Tidak ada rekod-rekod mengenai sebarang pengguguran haram yang ada didapati kerana ianya berbentuk haram.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan sekiranya kenyataan daripada doktor yang berkenaan tadi tidak mendapat persetujuan daripada Kementerian berkenaan, adakah Kementerian ini telah menafikan pandangan daripada doktor yang berkenaan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah berkata, tidak. Dan dia kata itu pandangan doktor itu sendiri, apa hendak dicakap lagi; hendak dijawab apa lagi.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Maksud saya semasa kenyataan itu dikeluarkan di akhbar-akhbar mengapa pada masa itu Kementerian tidak menafikan.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi tidak ada rekod-rekod mengenai perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kenapa tak nafikan, itu soalnya. Kalau tak nafi, maknanya betul.

HUKUMAN BESAR MENGGUNAKAN SENJATAPI

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Undang-undang menyatakan samada hukuman berat telah dikenakan terhadap penjenayah yang menggunakan senjata api selama ini. Berapa kes yang dihukum dan apa hukumannya. Adakah hukumannya sama dikenakan terhadap pengedar dadah dan berapakah angkanya.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian pertama soal itu, Undang-undang yang berkenaan dengan hukuman berat yang boleh dikenakan

terhadap penjenayah yang menggunakan senjatapi ialah Section 3 dan 8 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) No. 37/71 dan Section 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri No. 82 (Internal Security Act, No. 82).

Daripada tahun 1973 sehingga bulan September, 1976, 64 orang penjenayah telah didapati salah di bawah undang-undang Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat). Daripada mereka seorang sahaja yang telah dihukum gantung, 6 dipenjarakan seumur hidup, dan 57 orang dihukum penjara tidak lebih dari 9 tahun dan dirotan antara 4 hingga 8 kali.

Daripada tahun 1974 hingga bulan September, 1976, 2 orang penjenayah telah didapati salah di bawah undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act). Seorang telah dihukum gantung, seorang lagi dihukum penjara seumur hidup, dan dalam bulan ini dua orang telah didapati salah di Pulau Pinang dan telah dihukum mati dengan cara digantung. Banyak lagi kes-kes yang masih belum dibicarakan lagi. Suka saya menerangkan di sini, saya telah menyatakan di Dewan ini memberi amaran kepada orang awam iaitu siapa-siapa sahaja didapati menyimpan atau mempunyai senjatapi dalam negeri ini dengan tidak berlesen dan haram, saya tidak ragu-ragu akan menuduh dia di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri yang mana hukumannya satu sahaja iaitu digantung. Kerana kita masih ingat hari ini pun tiap-tiap hari kita baca suratkhbar yang polis telah menangkap orang-orang yang mempunyai senjatapi dan masih juga banyak orang-orang kita, orang-orang Melayu sebelah utara sana menggunakan senjatapi dalam merompak dan lain-lain. Kalau mereka ditangkap, saya tidak berlengah-lengah mereka itu akan dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan hukumannya digantung dan seberapa yang boleh saya akan melihat orang itu digantung kelak.

Untuk menjawab bahagian kedua pula hukuman sama iaitu hukuman gantung atau penjara seumur hidup ada juga dikenakan terhadap pengedar dadah mengikut Seksyen 39 (b) Ordinan Dadah Merbahaya 30/52. Seksyen ini telah ditambahkan ke dalam Ordinan itu dan mula berkuatkuasa pada bulan April 1975. Setakat ini hanya seorang sahaja yang sudah dibicara dan dihukum di

bawah Undang-undang itu iaitu di Perlis dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan disebat 12 rotan di Mahkamah Tinggi, Kangar pada 31-10-76. Sekarang ada lebih kurang 40 kes lagi yang menunggu perbicaraan yang mana hukumannya samada digantung atau dijel seumur hidup dan dirotan tak kurang daripada 12 rotan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Menteri yang berkenaan kes-kes yang ditangkap menggunakan senjata haram, berapakah bilangan bumiputra dan bukan bumiputra. Yang kedua, perkara yang dihukum di Kangar sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan, adakah boleh keluarga pihak berkenaan membuat rayuan, terutama rotan disebabkan keluarga yang berkenaan memandangkan perkara ini amat berat, kalau dikatakan sedeh, benda telah terjadi.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Soalan pertama tak ada mustahak bagi saya membezakan bahawa berapa Melayu dan berapa bukan Melayu, berapa India, China yang membawa pistol itu kerana tidak ada di rekod. Soalan yang kedua saya tak berapa faham. Tiap-tiap seorang yang dihukum boleh merayu dan berkenaan dengan rotan, kalau tak salah saya, samada kaum keluarga boleh merayu supaya jangan dirotan. Saya tak faham!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Orang yang kena rotan itu kurus atau gemok?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya pun tidak tengok. Soalan saya bolehkah dibuat rayuan terutama tentang rotan itu daripada 12 diturunkan kepada 6 rotan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, dia boleh membuat rayuan dua cara. Yang pertama, dia buat rayuan kepada Mahkamah Tinggi supaya dikurangkan rotan itu. Kedua, sebelum dirotan orang itu doktor akan memeriksa dahulu samada jantungnya kuat atau tidak, tahan tidak. Kalau tak tahan 12 rotan sehari, diselangkan 3 rotan sehari. Janganlah bimbang. (Ketawa).

HARTA MODAL SYER ASING/ ORANG MELAYU

8. **Tuan Lim Kiam Hoon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) perimbangan harta modal syer asing dalam sektor perbadanan dalam tahun 1976, 1975, 1974, 1973 dan 1972;
- (b) perimbangan syer kepunyaan orang Melayu dalam setiap tahun ini; dan
- (c) bahagian luas ekar dalam sektor bukan perbadanan pertanian moden orang-orang Melayu dalam tahun-tahun ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yacob): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan (a) modal asing dalam sektor Perbadanan seperti berikut:

Tahun	Peratus
1972	... 60.1%
1973	... 58.1%
1974	... 56.2% (dianggarkan)
1975	... 54.9% (dianggarkan)

(b) Modal Melayu pada tahun

Tahun	Peratus
1972	... 1.9%
1973	... 2.1%
1974	... 2.2% (dianggarkan)
1975	... 2.3% (dianggarkan)

Bagi tahun 1976 angka-angka yang lengkap belumlah selesai diperhitungkan lagi.

- (c) Saya telah difahamkan dari Kementerian Pertanian bahawa luas ekar dalam sektor bukan Perbadanan Pertanian Moden bagi orang-orang Melayu adalah sebanyak 1,532,542 ekar. Angka-angka ini adalah bagi banci rasmi pada tahun 1970. Angka-angka selepas tahun 1970 boleh didapati setelah diadakan banci yang lain yang akan diadakan kelak.

PENGANGKUTAN AWAM

9. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pengangkutan awam seperti bas-bas di luar bandar dewasa ini amat berkurangan dan jika sedar, apakah

langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi kerumitan ini secepat mungkin agar perkara ini tidak menjadi sungutan orang ramai.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum, oleh itu saya tidak dapat memberi maklumat yang khusus. Walau bagaimanapun, dalam soal kekurangan bas-bas di kawasan luar bandar ini saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa memberi pertimbangan kepada permohonan-permohonan untuk menambah bilangan bas-bas dari syarikat pengangkutan yang menjalankan perkhidmatan di kawasan-kawasan tersebut jika didapati perlu untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Demikian juga Kementerian saya juga sedia memberikan pertimbangan kepada mana-mana syarikat yang bercadang hendak menjalankan perkhidmatan di satu-satu kawasan tertentu yang belum ada perkhidmatan ini. Di samping itu, Kementerian saya juga sentiasa mengeluarkan permit-permit teksi dan kereta-kereta sewa bagi kawasan-kawasan luar bandar yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam ini melalui syor-syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penasihat bagi teksi dan kereta sewa yang ditubuhkan di semua negeri.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Tadi Menteri berkenaan mengatakan Kementerian beliau sedia menimbangkan jikalau syarikat-syarikat bas ini hendak menambahkan basnya. Jadi, kalau tidak ada permohonan daripada syarikat ini, bermakna kekurangan bas ini berterusan. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengapakah sebelum lesen bas ini dikeluarkan, bas ini berjalan daripada satu tempat ke satu tempat mengikut route yang tertentu. Kementerian tidak menetapkan bahawa mereka ini mencukupi bas mengikut penduduk yang ada di sepanjang jalan itu seperti juga Kementerian telah menetapkan bagi sesuatu orang yang minta lesen teksi di sesebuah pengkalan, maka ia hendaklah menetap di pengkalan itu. Jadi, mengapa syarat seperti ini tidak dikenakan juga kepada syarikat-syarikat bas, iaitu menentukan bas itu cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, cukuplah itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, adalah payah untuk kita menentukan berapa bas yang harus kita jalankan untuk menampung keperluan sesuatu tempat itu kerana penduduk di dalam sesuatu tempat adalah bertambah dan berkurangan dari semasa ke semasa.

Jikalau keperluannya lebih, bas yang dikehendaki itu lebih. Ini adalah mengikut kalau banyak penduduk banyak keperluan maka banyaklah bas yang harus kita benarkan. Tetapi kalau penduduknya tidak bertambah tentu kita tidak benarkan lebih banyak tetapi kalau ada permintaan seperti yang saya katakan tadi kalau sesuatu permit yang kita sudah berikan itu tidak mencukupi pada sesuatu tempat memang kita bersedia memberi tambahan kepada bas yang sedia sudah ada.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kekurangan bas di kawasan-kawasan luar bandar ialah kerana syarikat-syarikat bas enggan memberi perkhidmatan; cuma pilih jalan-jalan yang elok sahaja. Kalau sedar adakah beliau bercadang mensyaratkan supaya syarikat-syarikat kenderaan bas mesti beri perkhidmatan kenderaan di luar bandar dan juga di kawasan-kawasan dalam bandar di mana jalannya elok.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat bas ini adalah syarikat-syarikat perniagaan. Jadi saya percaya kalau ada keperluan berniaga tentu syarikat-syarikat ini akan membeli bas, menambah perkhidmatan mereka untuk menampung keperluan dalam sesuatu tempat itu. Tetapi kalau tidak ada keperluannya, kalau tidak ada passengernya di mana pula syarikat itu hendak menambah bas, tetapi kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dapat menunjukkan kepada saya mana-mana satu jalanraya yang betul-betul difikirkan perkhidmatan bas tidak mencukupi saya adalah bersedia untuk menerima penjelasan ini supaya Kementerian saya akan mempertimbangkan dan mengarahkan atau mengesyorkan kepada syarikat yang ada supaya menambah bas itu, jika perlu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya apabila bertambah penduduk di satu-satu tempat itu maka syarikat bas ini memohon tambahan bas. Syarikat bas ini mempunyai

sebab-sebab yang tertentu. Jadi walaupun ada tekanan daripada penduduk, tetapi kalau tidak ada permohonan daripada syarikat bas, maka tidakkah Menteri menimbangkan supaya meminta syarikat bas ini menambah basnya. Contohnya, kalau Menteri hendak daripada Maran ke Lubok Paku di kawasan saya di mana murid pernah tertinggal bas, tidak pergi sekolah ataupun balik lambat atau terpaksa balik cepat kerana kekurangan bas.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat itu membuat soal ini kerana memang ada keperluannya, tetapi yang sebaik-baiknya Yang Berhormat bawa perkara ini kepada Lembaga ataupun Kementerian saya supaya kita dapat memanggil syarikat yang sudah berjalan di situ pada waktu ini supaya kita boleh mengesyorkan kepada syarikat ini menambah bas mereka jikalau ada keperluan.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar kekurangan bas itu berlaku kerana syarikat-syarikat kenderaan ini pada satu-satu tempat itu lebih mengutamakan mengambil sesuatu sewa khas daripada kepentingan orang awam. Bererti dia mengurangkan perkhidmatan dalam kawasannya, dia mengadakan satu trip atau sewa khas yang berlanjutan sampai dua, tiga hari, akibatnya penduduk tempatan kurang mendapat perkhidmatan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat boleh bawa perkara ini kepada Kementerian saya, Kementerian saya akan menyiasat dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau ada Yang Berhormat yang lain perkara yang semacam itu, jumpa Yang Berhormat Menteri banyak boleh selesai di luar Dewan ini (*Ketawa*).

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang saya ingin tahu adakah Kementerian yang berkenaan ini sedar ada setengah-setengah syarikat bas itu enggan menjalankan perkhidmatannya dengan alasan jalan yang dilalui itu terlampau buruk, sedangkan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu sudah ada tadi, Ahli Yang Berhormat daripada Permatang Pauh sudah tanya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Apa yang saya maksudkan begini, Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri yang berkenaan itu sedar mengenai keenggaran syarikat bas ini berjalan kerana jalan buruk, sedangkan jalan itu juga di bawah Kementerian yang berkenaan, kenapakah Kementerian yang berkenaan tidak memberi peruntukan untuk memperbaiki jalan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu boleh. Sila Yang Berhormat Menteri, kenapa tidak baikan jalan itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, mana satu jalan yang tidak baik, saya pun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mana satu jalan Yang Berhormat dari Ulu Nerus (*Ketawa*).

Tuan Abdul Wabab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat soalan tambahan sedikit, bagaimana cara pihak Kementerian ini mengetahui tentang tidak puas hati daripada orang ramai, kerana apa yang saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri minta supaya pihak Ahli-ahli Parlimen berhubung dengan beliau sedangkan apa yang saya tahu banyak rungutan-rungutan ini bukan semata-mata datang dari Ahli-ahli Parlimen, tetapi ada juga melalui surat-surat khabar. Jadi apakah perhatian daripada Kementerian ini tentang rungutan-rungutan rakyat tidak puas hati di atas kekurangan kenderaan di kawasan masing-masing. Apakah perhatian diberi dalam hal ini. Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, dua tempat iaitu bas daripada bandar Dungun ke Jerangau tidak cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini kawasan Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Wabab bin Yunus: Ya, kawasan saya.

Yang kedua, dari bandar Maran ke Pengkalan Berangan pun tidak cukup sehingga budak-budak yang pergi ke sekolah tertinggal di tengah jalan. Jadi, apakah perhatian yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri sedangkan perkara ini telah tersiar beberapa kali di ruangan suratkhobar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah berhubung dengan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Abdul Wabab bin Yunus: Maksud pertanyaan saya ialah apakah perhatian yang diambil oleh Kementerian ini hanya semata-mata selepas datangnya report daripada Ahli-ahli Parlimen sahaja ataupun sungutan-sungutan rakyat melalui surat-khabar-suratkhobar.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya sudah jawab tadi dan memang saya akui dalam beberapa tempat ada sungutan semacam ini, tetapi bila kita siasat kompeni-kompeni bas ini mengatakan: Saya tidak menambah bas kerana tidak ada keperluan, sangat sedikit orang di situ. Tetapi kalau ada masalah seperti saya katakan tadi dan ada sesuatu perjalanan yang khusus dan Ahli Yang Berhormat itu sendiri betul-betul percaya yang perkhidmatan di situ tidak mencukupi, maka silalah berhubung dengan Kementerian saya supaya saya akan menjalankan penyiasatan untuk mengadakan bas tambahan.

MAKTAB PERGURUAN—PANDUAN MEMILIH CALUN

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada panduan memilih/mengambil calon-calon masuk ke Maktab-maktab Perguruan didasarkan kepada pemegang Sijil S.P.M./M.C.E. yang mendapat kepujian/lulus dalam matapelajaran Ilmu Hisab atau Sains semata-mata, di samping sekurang-kurangnya mendapat TIGA kepujian yang lain termasuk Bahasa Malaysia. Nyatakan secara terperinci panduan dan amalan pemilihan itu yang dilakukan pada tahun ini terhadap calon-calon yang tersebut. Berapa ramaikah anggaran bilangan calon-calon yang terpilih itu akan dimasukkan ke Maktab-maktab pada awal tahun 1977 akan datang dengan mengasingkan bilangan yang akan mengambil kursus untuk mengajar Sekolah Menengah dan Rendah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, soalan semacam ini saya telah jawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 8hb Julai, 1976. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya suka mengulangi lagi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau sudah dijawab tidak payah diulang lagi.

KELAMBATAN MEMBAIKI JALAN SEREMBAN/MANTIN

11. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab kelambatan yang amat sangat dalam menyiapkan kerja membaiki jalan di antara Seremban dengan Mantin.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja memperbaiki jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah termasuk di dalam kontrak pembinaan dan memperbaiki jalan-raya Persekutuan di antara Kuala Lumpur dengan Seremban. Kemajuan pembinaan yang dicapai oleh pemborong yang berkenaan telah terlambat dari yang dijangkakan disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapi oleh pemborong itu sendiri. Langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian saya untuk membolehkan kerja-kerja berjalan semula dengan lancar supaya projek ini dapat disiapkan dalam pertengahan tahun 1977.

RANCANGAN TANAH BELIA

12. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan, memandangkan bahawa Kerajaan bercadang hendak membuka 4,296 juta ekar tanah di negara ini untuk menanam kelapa sawit, getah dan tanaman-tanaman lain sehingga tahun 1990 dan Felcra akan membuka 25,000 ekar tanah, berapa ekarkah tanah akan diuntukkan kepada belia dan beliawanis kita.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang ada setakat ini di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah luas kawasan yang dicadangkan untuk rancangan belia ialah 34,130 ekar. Angka ini adalah untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sahaja iaitu sehingga tahun 1980.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan membuat perbandingan pendapatan seekor kelapa sawit dengan pendapatan seekor getah. Di dalam rancangan yang akan dibuka di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ada

kah termasuk Negeri Perlis, kalau tidak, bolehkah disebutkan samada oleh kerana Negeri Perlis ini satu negeri yang kecil ataupun tanahnya tidak sesuai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang pertama barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri berkehendakan notis, tetapi kalau boleh jawab, sila.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Soalan pertama saya terpaksa meminta notis, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang kedua saya terlupa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah termasuk Negeri Perlis dalam tempoh rancangan itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Maksud Ahli Yang Berhormat adakah rancangan belia ataupun bukan rancangan belia kerana soalan ini mengenai rancangan tanah belia.

Tuan Shaari bin Jusoh: Rancangan belia.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu tidak ada rancangan di Negeri Perlis.

PEJABAT PENDAFTARAN KERETA MOTOR, SELATAN KEDAH

13. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar betapa perlunya sebuah Pejabat Pendaftaran Kereta Motor di Kedah Selatan, khususnya di Padang Serai untuk memberi kemudahan kepada rakyat dari Daerah Kulim, Baling dan Bandar Bahru yang mendapati sangat sukar membuat urusan dengan Pejabat Pendaftaran Kereta Motor yang pada masa ini jauh di Utara Kedah (Alor Setar). Jika ya, bolehkah disegerakan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang keperluan mengadakan sebuah pejabat Pendaftaran Kereta-kereta Motor untuk memberi perkhidmatan di kawasan Kedah Selatan dan kawasan-kawasan lain yang berhampiran. Untuk tujuan ini sebuah pejabat sedang dirancang untuk dibina di Butterworth di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan adalah diharapkan pejabat ini akan dapat memberi perkhidmatan kepada Kedah Selatan termasuk Padang Serai.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pada masa ini

pegawai-pegawai penguatkuasa pemeriksaan kereta dan penguji-penguji derebar daripada Alor Setar ada membuat lawatan seminggu sekali ke Kulim untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan pemeriksaan kereta-kereta motor dan menguji drebar-drebar di Kedah Selatan termasuk Padang Serai dan sekitarnya.

PENDEDAHAN SAMAD ISMAIL

14. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menghilangkan keraguan rakyat, di dalam sendal Samad Ismail mendedahkan bahawa adanya alat-alat pemerintah yang telah diserapi oleh Kominis:

- (a) sejauhmana komunis ada di kalangan pembuat dan pemegang Dasar Pemerintah;
- (b) sejauhmana komunis ada di kalangan profesyenal di Malaysia;
- (c) sejauhmana komunis ada di dalam pasukan Tentera dan Polis.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan telahpun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1hb November, 1976 berhubung dengan pendedahan Samad Ismail, dengan itu saya tidak hendak menambah apa-apa lagi.

ROMBONGAN MUHIBBAH KE HANOI

15. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh kerana perhubungan diplomatik begitu baik dengan negara-negara Vietnam, adakah Kerajaan Malaysia bercadang hendak menghantar suatu rombongan muhibbah ke negara-negara tersebut bagi membalas rombongan mereka ke Malaysia serta memperkukuh hubungan persahabatan dengan negara-negara tersebut sekarang ataupun mengesyorkan supaya ASEAN berbuat demikian.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat hubungan di antara Malaysia dengan Republik Socialist Vietnam adalah baik dan memang ada kemungkinan bagi Kerajaan Malaysia menghantarkan rombongan muhibbah ke Hanoi di masa hadapan.

Hubungan di antara Malaysia dengan Vietnam adalah berdasarkan hubungan bilateral. Hubungan di antara Vietnam dengan negara-negara lain di Asia Tenggara ini juga wujud di bawah rangkaian yang sama. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada tiap-tiap negara di rantau ini mengambil langkah sewajarnya untuk mengukuhkan persahabatan mereka dengan Vietnam.

SARIKATA BAHASA MALAYSIA

16. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar lidah rasmi Parti M.C.A., the Guardian, keluaran bulan Ogos ini telah menerbitkan dua pucuk surat yang dikatakan telah dihantar oleh Pemuda M.C.A. Selangor kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang membantah dengan rasmi keputusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengenakan syarat mengguna sarikata Bahasa Malaysia pada filem-filem yang bukan berbahasa Malaysia mulai 1hb Januari, 1977; jika ya, adakah pengirisan dua pucuk surat itu benar; dan
- (b) samada keputusan muktamad yang diumumkan oleh beliau itu mengenai penggunaan sarikata Bahasa Malaysia itu dibuat selepas menerima surat-surat bantahan tersebut.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masaaalah ini telah diselesaikan dan perkara-perkara yang dibangkitkan itu tidak timbul lagi.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan. Saya hendak meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan samada beliau sedar pada Persidangan Dewan Rakyat yang lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah berkata pihaknya tidak menerima apa-apa bantahan pun daripada mana-mana parti politik berkenaan perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang dia sudah terima dan sudah selesai.

Tuan Farn Seong Than: Sudah selesai?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, sudah dijawab tadi.

HOSPITAL—PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

17. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang polisi atau rancangan ke arah memperbaiki mutu perkhidmatan pesakit luar bagi kemudahan rakyat Malaysia :

- (a) oleh Kementerian Kesihatan;
- (b) oleh Klinik-klinik bukan Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Ya, Kementerian saya telah memperbaiki dengan seluas-luasnya perkhidmatan pesakit luar di semua hospital dan di kebanyakan pusat-pusat kesihatan dengan cara :

- (i) memperbesarkan lagi jabatan-jabatan pesakit luar yang ada sekarang;
- (ii) membina jabatan-jabatan pesakit luar yang baru di hospital-hospital yang ada sekarang;
- (iii) membina anika-klinik anika-klinik baru guna untuk memecahagikan perkhidmatan perkhidmatan pesakit luar di hospital-hospital besar;
- (iv) menaikkan taraf pusat-pusat kesihatan dan juga membina lebih banyak lagi pusat-pusat kesihatan baru; dan
- (v) menambahkan bilangan Pegawai-pegawai Perubatan dan kakitangan-kakitangan para perubatan dan lain-lain kemudahan pesakit luar.

(b) Kementerian saya adalah sentiasa menggalakkan pihak swasta untuk menubuhkan klinik-klinik persendirian dan hospital-hospital persendirian supaya dapat menambahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan pesakit luar yang disediakan oleh Kerajaan dan Kementerian saya.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen cuma menerangkan cara memperbaiki mutu perkhidmatan pesakit luar dengan cara membina pusat-pusat, klinik-klinik dan sebagainya. Jadi apakah langkah Kementerian ini di dalam memperbaiki perhubungan di antara pegawai

Kesihatan dengan pesakit luar? Sekarang ini banyak berlaku di mana pesakit luar yang dapat kad giliran menunggu No. 3 di-kemudiankan, No. 10 didahulukan dan sebagainya. Apakah langkah Kementerian dalam hal ini?

Tuan Jawan anak Empaling: Soalan tambahan oleh Ahli Yang Berhormat itu sangat general. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu boleh memberi butir-butir yang teliti, bolehlah disampaikan ke Kementerian saya untuk dipertimbangkan atau disiasat.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Perkara ini bagaimana hendak diberi butir, sebab ia berlaku di mana-mana tempat terutamanya di Mentakah, Pahang. Complaint telah dibawa, tetapi tidak ada tindakan. Jadi bagaimanakah hendak beri butir, hendak beri nama, bukti pun susah.

Tuan Jawan anak Empaling: Sekiranya susah butir-butir itu didapati, Kementerian pun susah hendak buat tindakan apa yang sebaik-baiknya untuk memperbaiki perkara ini.

PENGEDAR DADAH

18. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa jumlah pengedar dadah yang terbesar di Malaysia yang telah ditangkap dan menerima hukuman mengikut kuasa Akta Dadah Berbahaya yang boleh membawa kepada hukuman bunuh dan hingga sekarang berapa ramai yang telah menerima hukuman berat itu, jika belum mengapakah kuasa undang-undang yang serupa itu tidak dilaksanakan di Malaysia.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Setakat ini 45 orang pengedar besar dadah di Malaysia telah ditangkap dan dituduh di bawah hukuman pindaan Ordinan Dadah Merbahaya dan yang bersalah boleh dihukum mati ataupun penjara seumur hidup dan rotan. Walau bagaimanapun sehingga ini cuma seorang sahaja di Perlis yang telah dihukum penjara seumur hidup dan disebut 12 kali. Proses untuk membicarakan kes-kes serupa ini di mana yang bersalah itu boleh dihukum gantung memerlukan masa yang agak panjang oleh sebab kes-kes ini mesti dibicarakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dan siasatan awal atau preliminary enquiry oleh Mahkamah Rendah mesti diadakan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun satu

arahan dari saya sendiri kepada semua Timbalan Pendakwa Raya dan satu arahan dari Ketua Hakim Negara Malaysia kepada semua Hakim-hakim telah dikeluarkan supaya kes-kes tersebut dapat disegerakan atau diberi keutamaan perbicaraannya.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

19. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar pada masa Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali yang kelima di Colombo telah menolak Deklarasi Kuala Lumpur:

- (a) apakah nama negara-negara yang menolak Deklarasi tersebut;
- (b) mengapakah negara-negara tersebut bersikap demikian; dan
- (c) adakah Negara-negara ASEAN hendak mengkaji semula Deklarasi tersebut.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah menjelaskan di Dewan ini beberapa hari yang lampau oleh sebab kesuntukan masa, Deklarasi ini tidak dibincang, didebate ataupun diambil undi langsung, maka saya tidak dapat memberikan nama-nama negara-negara ini. Hanya sepertimana saya telah jelaskan iaitu Laos, Vietnam, ada melahirkan kecurigaan di atas Deklarasi ini di dalam statementnya.

Jawapan kepada (b) dan (c), saya rujuk-kan kepada jawapan saya kepada soalan 12 pada 26hb Oktober, 1976 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

BAHASA KADAZAN/BAJAU/ TIONGHUA DI RADIO SABAH

20. Tuan Farn Seong 'Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan samada Kerajaan Negeri Sabah telah meminta supaya Bahasa Kadazan, Bajau dan Tionghua digunakan dalam siaran radio di Negeri Sabah, jika ya, samada Kerajaan telah menunaikan permintaan tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, ya, sudah. Perkara ini sudah pun dilaksanakan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroliam, 1974 bagi mengadakan peruntukan mengenai pengecualian aktiviti-aktiviti perniagaan petroliam daripada kehendak pelesenan di bawah Akta itu dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PETROLIAM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Petroliam (Cukai Pendapatan), 1967; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan), 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (17hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyambung ucapannya pada hari semalam.

Kepala B. 31 (Jadual)—

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.26 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithanddeen Al-Hajj): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat menyambung semula ucapan saya untuk menjawab teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di atas konsep zone of peace, freedom and neutrality, yang dipanggil ZOPFAN iaitu kawasan aman, bebas dan berkecuali ini, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran, Ledang, Kinta, Johor Bahru mengemukakan pendapatnya termasuklah juga kerjasama di dalam konsep ASEAN. Tuan Pengerusi, semalam saya telah mengatakan iaitu konsep ini ialah satu konsep yang baik yang mana perlu kita sebagai sebuah negara yang kecil membawa perkara ini untuk kebaikan supaya kawasan ini dapat dijadikan satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali, oleh sebab kita tidak suka negara-negara kuasa besar memainkan peranan dan campurtangan di dalam kawasan ini, kerana saya telah mengatakan semalam iaitu negara-negara kecil seperti negara kita Malaysia ini akan menjadi mangsa. Dengan sebab itu kita minta

bagi mereka yang rivalry atau juga competition yang terdapat di antara negara-negara yang berkuasa ini disingkirkan daripada kawasan-kawasan ini. Kita lihat sahaja kalau gajah itu berperang di dalam hutan maka rumput-rumputlah yang binasa dan musnah. Begitulah juga di dalam soal ini jikalau kuasa besar ini bergaduh, maka kitalah yang menjadi mangsa. Begitulah juga rumput. Sebaliknya pula, Tuan Pengerusi, jikalau gajah-gajah ini tidak berbalah ataupun bertumbuk, tetapi berasmara (romance), lagi teruk rumput itu kena. Walau bagaimanapun, mestilah di dalam asmara (romance) dan juga bergaduh-gaduh ini, kita perlulah menyingkirkan mereka ini daripada kawasan kita—Asia Tenggara ini daripada dijadikan satu tempat arena atau theatre yang mana mereka akan menjadikan tempat memusnahkan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya suka mengingatkan juga dalam soal ini sambil menjawab teguran Abli-ahli Yang Berhormat dari Maran, Ledang dan Kinta iaitu apa yang kita buat kini ialah untuk memperkukuhkan keadaan cara kehidupan, cara orang-orang kita duduk di dalam negara kita iaitu demokrasi berparlimen. Dan kita berasaskan juga dari segi dasar luar negeri iaitu berbaik-baik dengan semua negara yang mana suka untuk berbaik-baik dengan kita iaitu dipanggil equidistance supaya konsep non-aligned kita dapat diperkembangkan dengan adanya perhubungan-perhubungan dengan negara-negara yang kita ada perhubungan pada masa sekarang ini tidaklah kira apa ideologi kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada juga membawa soal penerangan yang mana beliau telah mengatakan iaitu kita tidak mengambil tindakan-tindakan yang tertentu di mana terdapatnya di dalam akhbar-akhbar di luar negeri mengatakan pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi negara kita ini telahpun masuk gerakan bawah tanah. Saya suka mengatakan di sini di mana adanya dari segi factual yang tidak betul, kedutaan kita di seberang laut telahpun mengambil tindakan dan memberikan penerangan-penerangan yang jelas kepada akhbar-akhbar yang tertentu. Malangnya, ada juga akhbar-akhbar ini tidak menyiarkan jawapan balas di dalam akhbar mereka. Ini satu perkara yang mana akhbar mereka tidak suka jikalau dicetak jawapan balas yang menjadikan credibility akhbar mereka itu tidaklah begitu baik.

Jadi, Kedutaan kita, pegawai-pegawai dan Duta-duta kita di luar negeri telahpun memberikan penjelasan di dalam majlis-majlis, seminar-seminar dan perjumpaan-perjumpaan orang-orang ramai baik di universiti samada penuntut-penuntut dan perjumpaan-perjumpaan saudagar, pelajar, lecturers serta orang-orang yang tertentu, memberikan penerangan atas dasar kita mengenai dasar luar negeri ataupun dasar perkembangan pelaburan (investment) dan sebagainya. Saya suka menerangkan kepada Dewan ini, iaitu kita telahpun mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memberikan penerangan yang tertentu, yang sebenarnya, yang betul kepada apa yang telahpun diberikan kesilapan dari segi factual. Pada masa-masa yang lalu kita telahpun menerangkan, mengambil tindakan yang begitu cekap di atas berita yang mengatakan kapalterbang kita jatuh begitu banyak, tidak ada kapalterbang kita yang banyak jatuh. Tetapi sebaliknya apabila kita hendak menerangkan jawapan itu tidak dimuatkan di dalam akhbar-akhbar yang mana pernah dituliskannya dulu. Di sinilah saya minta foreign correspondents daripada luar negeri mengeluarkan pandangan ataupun penulisan mereka itu yang betul dan benar seperti yang berlaku dengan tidak ada perasaan yang prejudice dan juga yang tidak betul kepada negara kita Malaysia ini. Kita berharap sangat jikalau factual itu betul, kita sanggup menerima, tetapi apa yang telah ditulis oleh mereka ini tidaklah benar dan sebab itu kita suka mengatakan iaitu akhbar-akhbar ini mestilah bertanggungjawab di atas apa yang telah dituliskan oleh mereka itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya suka juga dari memberi penerangan mengatakan apa yang tidak mustahak adalah sangat penting, apa yang diperkatakan di dalam negara kita ini oleh pemimpin-pemimpin kita, Menteri-menteri kita dan apa yang dibawa di luar negeri, apa yang dituliskan oleh mereka di luar negeri atas apa yang diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin kita ini termasuklah Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin yang lain. Ini sangatlah mustahak untuk menggambarkan apa yang sebenarnya berlaku di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga ada membawa perkara berhabitat dengan

Commercial Attaches. Katanya, janganlah diambil daripada orang-orang saudagar dan sebagainya. Saya rasa buat masa sekarang ini tidak ada cadangan. Ini yang sebenarnya bukanlah di bawah Kementerian saya, tetapi di bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Dan saya suka mengatakan walaupun mereka ini bukan daripada Kementerian Luar Negeri jikalau diletakkan ataupun ditionkan di luar negeri boleh dikatakan koordinasi dan kawalan ada di bawah Kedutaan Besar kita di seberang laut. Perjumpaan-perjumpaan sering diadakan untuk memberi taklimat-taklimat supaya arahan-arahan dan juga supaya mereka ini mengambil tindakan yang tertentu supaya menggambarkan imej Malaysia yang baik kepada negara yang mana menjadi negara tuan rumah kepada mereka itu. Disebutkannya juga PERNAS, MAS dan juga pegawai-pegawai daripada Kementerian yang lain.

Tuan Pengerusi, kita tentulah mengambil perhitungan yang berat apabila kita hendak menghantarkan diplomat-diplomat kita keluar negeri di atas kebolehan mereka, kelayakan mereka dan juga dari segi budi bahasa mereka itu supaya mereka ini dapat menggambarkan imej yang baik sebagai wakil kepada negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah juga menyebut dari segi penuntut-penuntut kita di luar negeri. Kita juga sentiasa mengadakan tayangan-tayangan wayang gambar kepada mereka ini. Tetapi saya suka menjelaskan di sini iaitu penuntut-penuntut kita ada lebih kurang 30,000 orang yang berada di luar negeri; lebih kurang 12,000 di England dan lebih kurang 4,000-5,000 di Australia dan 2,000 di New Zealand. Dan mereka ini ada di merata-rata tempat. Kalau hendak menghantar 30,000 akhbar-akhbar kepada penuntut-penuntut ini, mungkin satu perkara yang sangat sukar dari segi kewangan, maka untuk melaksanakan ini sangatlah sukar. Walau bagaimanapun, kita telahpun menghantar akhbar-akhbar dan juga majallah-majallah lain dan juga terbitan-terbitan yang lain oleh Wisma Putra dan juga Kementerian yang lain supaya mereka sentiasa dapat berhubung dan mengetahui apa yang berlaku di negara kita Malaysia ini. Saya suka menyatakan bahawa satu buku yang baru dikeluarkan lebih kurang sebulan yang sudah bernama "Indah ke Malaysia" yang pertama sekali kita menunjukkan gambar buku-buku ini,

corak gambar ini ialah pictorial, gambar-gambar yang menunjukkan kedudukan kaum-kaum Malaysia, perusahaan Malaysia, kebudayaan dan sebagainya yang ada di negara kita yang pertama kali untuk kita menyebarkan imej Malaysia, supaya mereka tahu apa yang sebenarnya. Bukan sahaja kepada penuntut kita bahkan juga kepada orang-orang di luar negeri di dunia ini. Dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan Malaysia ini tidak dikenali orang, barangkali kita susah di dalam dunia sekarang ini, kerana Malaysia ini dulu Malaya, barangkali sebelum daripada itu Persekutuan Tanah Melayu. Jadi nama ini bertukar sedikit. Jikalau mereka ini tidak tahu di mana Malaysia, kita tidaklah boleh salahkan Malaysia. Oleh sebab mereka itu barangkali tidak belajar betul-betul ilmu alam (geography). Jadi saya rasa ini tidaklah betul. Mungkin kita tidak tahu di mana Zimbabwe, di mana Anasea, di mana Namebia dan sebagainya.

Begitu juga bukanlah kita tidak menggambarkan imej Malaysia kepada negara-negara lain tetapi oleh sebab mereka dan kita semua tidak mengetahui ilmu alam yang sebenarnya, maka ini bukanlah salah Kedutaan kita tidak menggambarkan kepada mereka yang sebenarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga menyentuh segi kehidupan atau sara hidup pegawai-pegawai kita. Kita sentiasalah memberi pandangan yang berat dan juga memberikan satu analisa dari satu masa ke satu masa untuk mengkaji sara hidup mereka supaya sesuai dengan inflasi ataupun harga-harga barang di tempat mereka tinggal itu. Dan mengenai pelajaran anak-anak mereka, kita sentiasa memberikan bantuan supaya anak-anak mereka dapat belajar di tempat yang sempurna, mendapat pelajaran yang baik dan sebagainya. Kita sentiasa menitikberatkan soal pelajaran, kehidupan dan sara hidup mereka serta elaan yang cukup kepada mereka.

Dari segi pejabat, kita sentiasa membuat kajian dari satu masa ke satu masa dan di mana perlu kita membeli pejabat, maka kita akan beli. Tetapi ada tempat di mana bayaran sewa sangat murah maka kita tidaklah begitu perlu sangat untuk membeli bangunan pejabat ataupun tempat-tempat duduk untuk kediaman pegawai-pegawai dan Duta-duta Besar kita.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga telah membuat beberapa teguran, dan dari segi konsep saya telahpun menerangkan sedikit-sebanyak di atas konsep ini pada hari semalam dan juga hari ini. Pada pandangan beliau satu visit patut dibuat kepada negara-negara seperti Vietnam termasuklah pelajar-pelajar, pekerja-pekerja dan peladang-peladang dan sebagainya. Kita ada membuat lawatan-lawatan kepada negara-negara tertentu. Apabila keadaan kewangan mengizinkan maka kita akan membuat lawatan ke negara-negara itu supaya kita dapat memberikan hubungan yang baik di antara negara kita dengan negara-negara yang tertentu itu.

Beliau juga mencadangkan supaya majallah, buku-buku seperti dibuat oleh kedutaan lain, diberikan kepada orang-orang di seberang laut untuk dibaca, ini kita sentiasa buat. Kita juga menghantar filem-filem sepertimana yang saya telah sebutkan tadi kepada negara-negara ini dan menentukan supaya mereka dapat melihat filem-filem yang tertentu dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah juga menegur dari segi kenapa kita tidak membuat lawatan awal sebelum kita pergi ke Colombo. Saya suka mengatakan di sini iaitu kita perlulah pada masa sekarang ini menimbangkan kedudukan ini. Pada masa ini kita tidak bercadang hendak membawa konsep zone of peace, freedom and neutrality kepada Bangsa-bangsa Bersatu tetapi buat masa sekarang ini kita hendak menentukan program kita apabila Duta Besar kita pergi ke negara-negara Indo-China. Di sini saya suka memberi tahu Dewan yang mulia ini iaitu pada pagi kelmarin Duta Besar kita telahpun bertolak ke Hanoi dan kita berharap dengan adanya perhubungan antara peringkat tinggi sebagai Duta, maka perhubungan antara kita dengan Vietnam dapat dipereratkan lagi supaya kerjasama dapat diadakan di antara kedua-dua pihak. Sama juga saya rasa pada satu ketika yang baik kita akan menerangkan dengan jelasnya di atas konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali ini (zone of peace, freedom and neutrality). Tetapi ada yang perlu pada masa sekarang ini ialah untuk mempereratkan lagi persahabatan di antara negara kita dengan negara-negara jiran yang berdekatan dengan kita samada negara-negara di dalam ASEAN atau negara-negara bukan ASEAN dalam Asia Tenggara ini.

Saya telah berkata berkali-kali di Dewan dan di luar Dewan ini iaitu kita sentiasa berharap mengadakan perhubungan yang baik dengan negara-negara Indo-China. Di dalam perjumpaan Menteri-menteri Luar ASEAN pada tahun 1975 di Kuala Lumpur ini, kita telahpun menghulurkan tangan persahabatan muhibbah kepada negara-negara Indo-China untuk bekerjasama, untuk mengekalkan kesetabilan dan juga persababatan di antara negara-negara di Asia Tenggara ini.

Saya rasa anggapan Yang Berhormat dari Ledang kita patut membuat lawatan dahulu, tidaklah betul oleh sebab mengikut pandangan Wisma Putra apa yang perlu ialah mengadakan perhubungan persahabatan bilateral dahulu kerana bukanlah kita hendak mengemukakan secara teliti di atas konsep ini di Colombo sepertimana yang saya telah jelaskan kepada Dewan ini beberapa hari yang lepas iaitu oleh sebab kesuntukan masa maka kita tidak dapat membincangkan dan tidak ada undi ataupun perbahasan secara lanjut untuk mengkaji dengan sehalus-halusnya di atas konsep ini. Hanya apa yang hendak diadakan ialah akuan (endorsed confirmation, reaffirmed endorsement) di atas penerimaan konsep zone of peace, freedom and neutrality ini. Ini sentiasa dibuat dalam semua persidangan antarabangsa yang mana dari satu masa ke satu masa iaitu persidangan mestilah diberi tahu di atas kemajuan yang dibuat oleh negara-negara itu. Oleh sebab konsep ini telahpun diterima oleh non-aligned countries, maka perlulah direaffirmkan di dalam persidangan di Colombo. Sungguhpun cadangan itu bukan cadangan kita tetapi dibuat oleh Sri Lanka sepertimana saya terangkan semalam. Maka di sini saya suka mengatakan ia itu oleh sebab telahpun ada di situ maka kita sentiasa membincangkan hal ini. Sebagaimana yang saya telah terangkan, Tuan Pengerusi, oleh sebab kesuntukan masa maka tidak dapat dibincangkan dan tidak dapat membuat satu keputusan yang muktamad. Seperti juga jika kita keluar hendak bermain bola, Tuan Pengerusi, kita bersiap dengan perasaan akan dapat kemenangan tetapi apabila pergi ke tempatnya hari sudah gelap maka kita tidak dapat main. Tentu ada perasaan hampa kerana kita tidak dapat bermain.

Tuan Pengerusi, kita mesti ingat di atas konsep ini, kita juga mesti ingat iaitu apabila sampai masanya dan saya anggap masanya bukanlah setahun atau dua tahun akan tetapi

kita sanggup menunggu beberapa tahun akan datang supaya konsep ini akan materialise. Apa yang kita hendak buat masa ini ialah kesanggupan—menghormati dan mengakui di atas konsep ini dan bukanlah untuk diimplementasikan konsep ini buat masa sekarang ini. Apabila kita mencanangkan konsep ini, kita mestilah ingat kepada soal perkara-perkara yang lain, soal ideologi tiap-tiap satu negara, soal perkara yang dikemukakan oleh negara-negara lain bersabit dengan zone of peace di Indian Ocean dan juga soalan-soalan yang tertentu yang ada berkaitan dengan konsep ini perlu dikaji dengan sehalus-halusnya. Cadangan-cadangan yang lain oleh negara-negara yang lain di atas tujuan yang sama, adakah mengakibatkan kedudukan negara kita sebagai negara yang mengemukakan konsep aman, bebas dan berkecuali ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah juga menyentuh soal Palestine Liberation Organisation (PLO). Saya berdukacita yang beliau ini tidak ketahui iaitu kita telahpun mengakui PLO ini beberapa tahun yang lepas, tidak kurang daripada dua tahun yang lepas iaitu mengakui PLO ialah satu wakil kepada organisasi pembebasan Palestine ini dan saya berdukacita yang beliau tidak mengikuti di atas kemajuan yang telah dibuat dari segi pandangan kita kepada PLO dan kita telahpun menerangkan kerap kali, samada di dalam Dewan ini atau di luar Dewan dan juga di seberang laut di atas konsep perjuangan kita iaitu kita memberikan sokongan yang penuh kepada PLO di atas perjuangan mereka supaya mereka ini dibebaskan, dapat kembali balik tanah-tanah yang diambil cara kekerasan oleh Israel dan juga diberikan satu perisytiharan cara menentukan hak asasi mereka berhak kepada tanah dan juga atas dasar self-determination. Dahulu kita telahpun mengakui Al-Fatah sebelum PLO. Daripada Pejabat Al-Fatah itulah kita menjadikan Pejabat PLO dan kita mengakui dan memberikan apa sahaja kemudahan yang dapat kepada mereka dan saya berdukacita sangat yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kinta tidak mengetahui dengan jelasnya. Jikalau hendak membuat tuduhan, saya rasa eloklah Ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang ini buat dengan ada kenyataan-kenyataan yang tertentu. Kalau tidak tahu, tidak usahlah buat di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, beliau juga ada mengatakan, bahawa ada setengah negara-negara Arab telah mengatakan iaitu negara Malaysia ini adalah cenderung kepada satu pihak. Katanya, negara-negara Arab, saya tidak tahu negara Arab yang mana beliau maksudkan. Arab daripada Asia Barat, Arab daripada Malaysia atau Arab daripada mana yang beliau maksudkan. Saya hendak tahu Arab daripada mana, kerana yang saya tahu hubungan kita dengan negara-negara Arab ini adalah sangat erat. Dengan adanya lawatan-lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri kita yang dahulu dan juga lawatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ada sekarang ini, telah mempererat lagi perhubungan di antara negara kita dengan negara-negara Arab dan juga mana yang telah saya buat lawatan rasmi, boleh dikatakan perhubungan kita dengan negara-negara Arab ini sangatlah rapat, kerana perhubungan ini telahpun disokong dan berasaskan kepada satu asas (foundation) yang kuat iaitu ugama Islam dan juga cultural yang boleh dikatakan persamaan dengan mereka. Dengan sebab itu, saya minta beliau berikan nama Arab yang mana. Kalau tidak ada nama, saya rasa perkara ini kita tidak boleh mengambil sebagai satu teguran yang menasabah dan teguran yang betul yang patut diambil tindakan oleh Wisma Putra.

Kita mesti ingat bahawa dasar luar negeri kita ini janganlah kita ikut dasar tiap-tiap satu negara. Dasar luar negeri kita ini adalah berasas kepada kebaikan yang berlaku dalam negeri kita sendiri, yang baik kepada negeri kita. Kita tidak boleh tiru pada tiap-tiap apa yang berlaku dalam negara yang lain, kerana keadaan negara itu adalah berlainan dan berasingan daripada apa yang berlaku, yang terdapat dalam negara kita ini. Maka perlulah dasar luar negeri kita berasas kepada apa yang baik, apa yang memberi keuntungan, apa yang memberi kepentingan kepada negara kita ini. Sebab itulah saya rasa jangan kita menurut tiap-tiap satu negara itu, jika sesuatu negara itu buat perkara itu, maka patutlah kita juga membuat perkara itu juga.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengatakan bahawa negara kita ini tidak kuat, oleh sebab ashar kita tidak cukup dan jikalau kita hendak overhaul satu-satu enjin, kita terpaksa menghantar keluar negeri. Tuan Pengerusi, kita mesti ingat bahawa negara kita ialah sebuah negara yang muda sebuah

negara yang sedang membangun (developing country). Kita tidak boleh bandingkan negara kita pada masa sekarang ini dengan negara-negara yang telah mencapai kemajuan dari segi teknologi dan berbagai-bagai kemajuan yang telah dicapai dalam segi sains dan teknologi. Jikalau kita membandingkan negara kita dengan negara-negara yang sedang membangun, saya rasa kita tidak malu di atas kemajuan yang negara kita telah capai tatkala kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu. Jikalau kita hendak berlumba-lumba dengan negara-negara lain, jikalau mereka ada nuclear weapons, patut juga kita mengadakan nuclear weapons, ini pada hakikat dan fikiran saya tidaklah kita dapat membeli semua barang-barang ini, kerana kita tidak dapat mengadakan di dalam negara kita ini. Jikalau kita hendak turutkan juga apa yang negara maju buat, maka kita tidak ada kemampuan dari segi kewangan untuk mengadakan itu semua. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa kita akan membuat kemajuan untuk kebaikan kita supaya kita jadi self-reliance dalam apa segi sekalipun. Insya Allah, saya rasa dengan kemudahan yang ada pada masa akan datang, kita akan berdiri di atas kaki kita sendiri untuk negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah juga mengemukakan mengenai kerjasama di antara negara-negara ASEAN untuk mencegah penyeludupan dan juga penyeludupan dadah, senjata dan sebagainya. Di sini saya suka menyatakan bahawa kita ada bekerjasama dengan mereka ini dan juga kita ada co-ordinated patrol di lautan-lautan kita yang berhampiran dan berjiran dengan mereka dan juga untuk kerjasama sempadan untuk kebaikan negara kita, untuk kebaikan dan keselamatan kita dan juga untuk kebaikan apa sahaja yang memberi kebaikan supaya negara kita dari segi ekonomi dapat juga dijamin pada masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada juga menegur supaya orang-orang kita di seberang laut mestilah Malaysian-orientated. Ini saya rasa perlulah kita ingat dan adalah menjadi amalan kepada Wisma Putra iaitu pegawai-pegawai kita yang dihantar keluar negeri mestilah Malaysian dan concept spirit mereka dari segi hakikat membawa diri mereka mestilah Malaysian. Ini saya suka mengucapkan

terima kasih kepada beliau mengingatkan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri mestilah Malaysian-orientated. Dan juga apa-apa teguran yang dibuatkan untuk kita menukarkan pegawai, ini saya akan mengambil perhatian untuk mendapatkan pegawai-pegawai yang baru.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kangar ada juga meneadangkan supaya kita mengadakan kursus kepada pegawai-pegawai kita yang hendak dihantar ke luar negeri dan juga supaya kita mengadakan perdagangan yang erat lagi di antara negara-negara Asia Barat seperti yang diumpamakan oleh beliau iaitu tayar. Ini kita sentiasa mengadakan lawatan-lawatan, rombongan perdagangan kepada negara-negara ini untuk menjualkan barang-barang daripada Malaysia dan kita sentiasa membuatkan lawatan ini daripada satu masa ke satu masa supaya perdagangan kita dengan negara-negara yang rapat dengan kita, yang ada membuat perhubungan sentiasa ada, diperkokohkan dan ditambah lagi kebbaikannya dari segi perdagangan.

Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah juga membuatkan teguran iaitu kita mengadakan penerangan-penerangan seperti mana yang saya telah terangkan tadi iaitu kita sentiasa ada penerangan. Saya tidak suka mengulas sekali lagi di atas jawapan dari segi penerangan ini, kerana kita ada membuat penerangan yang tertentu dan daripada satu masa ke satu masa kita membuat penerangan yang sangat jelas kepada mereka dan juga supaya satu rombongan ugama dibuat dari satu masa ke satu masa. Ini saya mengambil ingatan iaitu kita ada juga membuat lawatan dan juga negara-negara ASEAN ada juga membuat lawatan kepada Asia Barat—kepada negara kita iaitu pada masa pertandingan Quran kita mengadakan lawatan kepada negara kita ini dan menjemput mereka menyertai di dalam Musabaqah Membaca Al-Quran di Kuala Lumpur ini pada tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Matang ada juga memberikan pandangan yang matang kepada Dewan ini iaitu supaya peruntukan ditambah lagi, jangan dikurangkan. Maknanya, pada anggapan beliau iaitu peruntukan kepada Wisma Putra (Kementerian Luar Negeri) adalah kurang daripada apa yang diperuntukkan pada tahun yang lepas dan beliau meminta dari segi untuk kebaikan penerangan supaya kita

dapat memberikan gambaran yang baik lagi dan penerangan yang lebih jelas lagi. Saya sangatlah mengucapkan terima kasih kepada beliau dan saya berharap dengan sokongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian moga-moga peruntukan untuk penerangan ini dapat ditambahkan oleh pihak yang berkuasa iaitu Perbendaharaan supaya diberikan peruntukan. Saya suka mengatakan mungkin saya akan berkehendakkan sedikit-sebanyak lagi dari segi penerangan pada pertengahan tahun yang akan datang ini untuk memberikan penerangan yang jelas lagi oleh sebab ada satu rancangan yang saya di Kementerian Luar Negeri akan adakan pada pertengahan tahun depan ataupun awal tahun depan ini.

Tuan Pengerusi, itulah sedikit-sebanyak jawapan saya dan saya pada akhirnya suka mengatakan beberapa Ahli Yang Berhormat telahpun menyentuh tentang hak kebajikan pegawai-pegawai kita yang telah berkhidmat di seberang laut. Sukacita saya memaklumkan yang Kementerian Luar Negeri adalah sedar terhadap kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kita, seperti soal pelajaran bagi anak-anak mereka, dan juga soal elaun di masa pegawai-pegawai ini berkhidmat di seberang laut. Kementerian saya telahpun mengadakan satu sistem di mana elaun ini adalah disemak dari masa ke semasa mengikut cara hidup di tempat-tempat di mana pegawai-pegawai itu ditetap-kan.

Mengenai soal pelajaran bagi anak-anak pegawai, Kementerian saya sedang berhubung rapat dengan Kementerian Pelajaran dan lain-lain badan yang berkenaan. Adalah diharap masalaah ini akan dapat diatasi tidak berapa lama lagi.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran yang membangun dan saya harap pada masa-masa yang akan datang peruntukan ini dapat memberikan kebaikan. Dengan adanya peruntukan ini dan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, maka imej Malaysia akan tinggi lagi dan pandangan yang begitu baik oleh negeri-negeri di luar negeri.

Masalaah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$46,050,000 untuk Kepala B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$3,600,000 untuk Kepala P. 31 disetujukan jadi sebahagian Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita beredar balik kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Kepala B. 15, jumlah wang sebanyak \$1,965,700 menjadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sejumlah \$115,492,820 bertentangan dengan Kepala P. 15 menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977 adalah terbuka untuk perbincangan.

Kepala B. 15 (Jadual)—

Kepala P. 15 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian saya bagi tahun 1977 di bawah Kepala Bekalan 15 dan Kepala Pembangunan 15. Sebelum saya meminta kelulusan Dewan ini saya suka memberi sedikit keterangan di atas Kepala-kepala tersebut.

KEPALA BEKALAN 15—PERBELANJAAN MENURUS

Untuk tahun 1977 anggaran sebanyak \$1,965,700 di bawah Kepala B. 15 adalah diperlukan untuk menemui perbelanjaan mengurus Kementerian saya. Jumlah itu menunjukkan tambahan sebanyak \$855,790 dari jumlah yang telah diluluskan untuk tahun 1976 ini. Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya telah diperbesar, selaras dengan peranan dan tanggungjawabnya dan Jabatan Perumahan Negara telah juga diwujudkan. Dengan demikian peruntukan sebanyak \$1,000,700 adalah diperlukan sebagai Gaji dan Upahan di bawah Pecahan-kepala 1100, berbanding dengan peruntukan sebanyak \$721,790 yang telah diluluskan bagi tahun ini. Juga, dengan sebab akan bertambahnya kakitangan, maka perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan juga akan bertambah.

Bagaimanapun sebahagian besar daripada peruntukan tambahan yang diperlukan bagi tahun depan itu adalah di bawah pecahan-kepala 2900, di mana peruntukan sebanyak

\$502,760 adalah dikehendaki untuk membiayai perkhidmatan Penyeliaan Pembangunan Kampung. Salah satu daripada usaha-usaha Kementerian saya bagi mencapai objektif Kemajuan Perkampungan adalah dengan mengadakan perkhidmatan penyeliaan pembangunan kampung. Penyelia-penyelia ini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang tempatan dan tugas utama mereka ialah bergaul rapat dengan penduduk-penduduk kampung serta berkecimpung sama dalam kegiatan yang mendatangkan hasil kemajuan sosio-ekonomi demi mencapai perpaduan serta keselamatan di kampung-kampung tersebut.

KEPALA PEMBANGUNAN 15—ANGGARAN PEMBANGUNAN

Dari segi pembangunan pula, anggaran sejumlah \$115,492,820 adalah diperlukan oleh Kementerian saya untuk melaksanakan berbagai-bagai projek di bawah pecahan kepala-pecahan kepala berikut ini:

(i) Pecahan-kepala 1 & 5	Perumahan Awam	\$100,280,000
(ii) Pecahan-kepala 2 ...	Rancangan Perumahan Kampung Baru, Kuala Lumpur	10 (taken)
(iii) Pecahan-kepala 3 ...	Perumahan Awam Tambahan	10 (taken)
(iv) Pecahan-kepala 4 ...	Institut Penyelidikan Perumahan Negara	\$ 150,000
(v) Pecahan-kepala 11 ...	Pelaburan dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak	\$ 7,040,800
(vi) Pecahan-kepala 21 ...	Suruhanjaya Perumahan Sabah	\$ 4,022,000
(vii) Pecahan-kepala 31 ...	Kemajuan Per-kampungan	\$ 4,000,000

Tuan Pengerusi, saya suka memberi sedikit keterangan lanjut kepada pecahan-pecahan kepala yang telah saya sebutkan itu.

(i) Pecahan-kepala 1 dan 5—Perumahan Awam Semenanjung Malaysia

Sebagaimana yang diterangkan dalam Buku Belanjawan Persekutuan 1977 yang ada pada Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian saya memerlukan peruntukan sejumlah \$30 juta bagi Pecahan-kepala 1—Perumahan Awam dan sejumlah \$70,280,000 lagi bagi Pecahan-kepala 5 iaitu Perumahan melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Kedua-dua peruntukan ini bernilai \$100,280,000 adalah khususnya bagi memberi pinjaman-pinjaman, guna membiayai projek-projek perumahan

awam kos rendah yang akan dilaksanakan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia termasuklah Wilayah Persekutuan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum projek-projek ini adalah khas ditujukan kepada rakyat Malaysia dalam golongan berpendapatan rendah. Bagi perlaksanaannya Kerajaan-kerajaan Negeri sedang pun giat memperkukuhkan jentera pelaksanaan mereka, manakala Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian saya sedang berusaha mendapatkan anggota iktisas serta teknikal yang cukup bagi membantu, secara yang terhad, Negeri-negeri itu melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah mereka.

(ii) *Pecahan-kepala 4—Institusi Penyelidikan Perumahan Negara*

Sebuah Instituti Penyelidikan Perumahan Negara telah diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini dalam persidangan bulan Julai lepas, untuk dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini. Sebagaimana yang telah saya jelaskan dulu, Instituti ini akan menjalankan peranan sebagai sebuah badan nasional dan membuat penyelidikan terutama mengenai perumahan. Bagi tahun 1977, peruntukan sebanyak \$150,000 adalah diperlukan bagi tujuan menyediakan tapak dan keperluan infrastruktur bagi Instituti ini.

(iii) *Pecahan-kepala 11—Pelaburan Dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak*
Pecahan-kepala 21—Suruhanjaya Perumahan Sabah

Sebagaimana biasa, pelaburan mengenai perumahan akan terus dilakukan menerusi Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak dan Suruhanjaya Perumahan Sabah. Bagi tahun 1977, sejumlah \$7,040,800 adalah perlu dilaburkan bagi pembinaan kira-kira 704 yunit rumah-rumah awam kos rendah di Sarawak. Bagi Sabah pula, sejumlah \$4,022,000 perlu dilaburkan bagi pembinaan kira-kira 402 yunit rumah-rumah awam kos rendah di sana.

(iv) *Pecahan-kepala 31—Kemajuan Perkampungan*

Usaha-usaha akan dipergiatkan lagi dengan pesatnya bagi memperbaiki dan

mempermodenkan kehidupan dan persekitaran kampung terutama sekali kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan di sekitarnya. Dengan adanya pula penyelia-penyelia pembangunan kampung terlatih bertugas di kampung-kampung tersebut itu, maka dipercayai lebih berkesan lagilah usaha membantu penduduk-penduduk kampung-kampung tersebut bagi mencapai taraf hidup yang dicita-citakan iaitu selesa dan selaras dengan keperluan cara hidup yang dianuti oleh rakyat Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian saya akan terus memberi bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek-projek kecil pembangunan di kampung-kampung yang sedang mengalami masaalah-masaalah keselamatan, kemiskinan serta mereka yang masih kurang atau tiada kemudahan asas. Bagi tahun 1977 \$4 juta adalah diperlukan bagi mempercepatkan lagi usaha pembangunan di kampung-kampung tersebut.

Dengan keterangan di atas, saya memohon kelulusan Dewan yang mulia ini bagi Anggaran Peruntukan Kementerian saya di bawah Kepala B. 15 berjumlah \$1,965,700 dan Kepala P. 15 berjumlah \$115,492,820 menjadi sebahagian daripada Jadual.

4.16 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong dan bercakap sedikit berkenaan P. 15, Pecahan-kepala 11 di muka surat 92 di mana negeri Sarawak mendapat peruntukan bagi Pelaburan dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak berjumlah sebanyak \$7,040,800. Kami ucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan ini.

Masalah perumahan dan perkampungan sekarang di Sarawak telah menjadi perhatian dan tumpuan seperti di Kuching, Sibuan dan Miri. Dengan peruntukan yang ada ini saya merayu dan mengesyorkan kepada Perbadanan yang berkenaan supaya membuat rancangan rumah-rumah kos rendah di daerah-daerah luar bandar juga bagi faedah rakyat yang berpendapatan rendah di antara \$300 sampai \$500 sebulan, seperti guru-guru, pegawai-pegawai dan kerani-kerani rendah serta buruh-buruh yang mana mereka seperti ini sekarang sangat berkehendakkan rumah

kediaman sendiri yang boleh dibuat dengan menelan ongkos \$10,000 sampai \$15,000 satu unit atau sebuah rumah yang dapat dibuat daripada kayu yang tegap dan tahan yang banyak terdapat di negeri Sarawak sendiri. Umpamanya, sekarang terdapat di daerah saya iaitu hampir 300 lot seluas $\frac{1}{2}$ ekar bagi satu lot telah siap diukur oleh Pejabat Tanah dan Ukur Negeri yang berhampiran dengan lapangan terbang Mukah untuk keperluan rakyat di situ di mana keluasan tanah perkampungan pekan Mukah yang telah penuh serta juga kawasan kampung yang tanah tebing batang Mukah itu susur atau jatuh untuk berpindah ke kawasan baru itu dengan cara yang lebih teratur serta untuk mendapatkan bekalan air paip dan letrik. Oleh itu, saya berpendapat pihak Perbadanan yang berkenaan dengan wang pelaburan yang ada ini membuat rumah kos murah di kawasan perkampungan seperti yang saya sebutkan itu bagi membantu rakyat di luar-luar bandar yang berpendapatan rendah serta membangunkan kawasan yang ada persediaan tapak tanah khasnya seperti yang saya sebutkan itu tadi.

Di samping itu juga ingin saya mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan dan Perbadanan yang berkenaan di mana terdapat di Pekan Dalat daerah Dalat dalam kawasan saya terdapat lebih kurang 50 pintu kedai dibuat daripada kayu yang berusia tidak kurang daripada 70 tahun yang sudah begitu lapuk sangat diperlukan untuk dibuat kedai atau pasar baru.

Berikut apa yang difahamkan kepada saya sebahagian besar perniagaan di situ tidak terdaya untuk membuat kedai baru kerana masalah kewangan. Begitu juga pasar di pekan kecil Balingan daerah Mukah lebih kurang 30 pintu lebih dahsyat lagi keadaannya telah condong hampir jatuh sangat merbahaya kepada peniaga itu sendiri dan orang-orang yang melaluinya. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan perkara seperti ini sepatutnya diberi perhatian segera serta diberi pinjaman atau Perbadanan ini membuat pasar baru bagi menolong peniaga-peniaga di daerah luar bandar serta juga boleh mengubah keadaan sesebuah daerah itu bertukar corak mengikut perubahan masa dan zaman pembangunan ini bagi melaksanakan dasar Kerajaan Barisan Nasional untuk semua peringkat rakyat dalam negara kita ini.

Sebagai satu rakyat yang maju, dinamis, dan dedikasi dalam bidang ekonomi, politik dan sosial dalam suasana aman, damai dalam kontek pembangunan negara bagi menghapuskan kemiskinan semua rakyat untuk menjamin keselamatan dan perpaduan negara yang berkekalan.

4.22 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Pembangunan P. 15—Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Pecahan-kepala 1—Perumahan Awam, muka surat 92.

Perumahan adalah perkara utama bagi sesuatu keluarga samada keluarga memerlukan rumah, samada kecil ataupun besar. Walaupun peruntukan ini kecil, saya berharap peruntukan perumahan awam ini dapat diperuntukkan di seluruh negara supaya tiap-tiap Negeri mendapat peruntukan perumahan yang wajar.

Harga tanah di negeri-negeri adalah murah. Begitu juga rumah. Jauh berbeza dengan di bandaraya Kuala Lumpur. Oleh kerana harga tanah di negeri-negeri murah sedikit saya fikir adalah kena pada tempat supaya rumah-rumah jenis kayu berbentuk moden, boleh didirikan di negeri-negeri atau di kawasan-kawasan yang berkehendakkan perumahan yang didirikan oleh Kerajaan. Ini bukan sahaja dapat membanyakkan perumahan awam, malah dapat menolong meringankan orang-orang luar bandar membeli rumah secara beransur-ansur yang pada akhirnya rumah itu akan menjadi kepunyaan mereka kelak.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan bahawa di dalam menyusun semula masyarakat, Kerajaan hendaklah memberi kemudahan bukan sahaja kepada Rancangan Perumahan Kampung-kampung Baru, malah hendaklah juga memikirkan bahawa Rancangan Perumahan Kampung Lama terutamanya bagi kampung-kampung Melayu dan Nelayan yang berselerak di tanah airnya sendiri hendaklah juga diutamakan. Di kampung Melayu yang berselerak ini bukan sahaja tidak ada letrik, keadaan rumah tidak tersusun dan teratur, malah bekalan air jarang ada, pusat kesihatan jauh. Ini disebabkan kawasan itu tidak tersusun. Ia juga jauh berbeza dengan kemudahan-kemudahan yang

didapati di Kampung-kampung Baru, bukan sahaja hanya tersusun, malah ada bekalan letrik, pusat kesihatan, paip air dan lain-lain kemudahan lagi. Jadi, dalam menyusun masyarakat ini, Kementerian ini hendaklah memikirkan apakah caranya yang boleh diperbetulkan keadaan perumahan kampung-kampung Melayu dan Nelayan yang berselerak agar mereka juga dapat menikmati sama kemudahan asas yang saya sebutkan tadi, terutama di kawasan saya, satu kawasan Nelayan yang juga berkehendakan rumah kayu berbentuk moden. Mudah-mudahan akan dapat dipertimbangkan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, di dalam menyediakan perumahan awam ini, Kerajaan hendaklah menimbangkan bahawa kontrak yang kecil-kecil hendaklah diberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra atau usahasama supaya mereka juga diberi peluang dalam mendirikan bangunan-bangunan ini. Di samping ini Kerajaan hendaklah juga mensyaratkan bahawa harga rumah murah hendaklah sentiasa dikawal supaya pemaju perumahan swasta tidak menaikkan harga rumah sesuka hatinya. Kawalan yang sama seperti kawalan harga barang-barang makanan hendaklah juga dibuat. Ini bukan sahaja dapat mengadakan harga kawalan yang berpatutan malah harga rumah tidak akan naik tinggi. Begitu juga satu kawalan yang ketat hendaklah dibuat bagi perumahan harga tinggi supaya harga yang minima untuk dijual dapat dikawal. Secara tidak langsung, harga-harga rumah dapat dikawal dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, mudah-mudahan pandangan saya ini mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya, dan dengan ini saya menyokong peruntukan Kementerian Perkampungan ini.

4.26 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya pada mulanya saya ingin menyentuh kepada Kepala P. 15, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (3) mengenai Pelesenan dan Khidmat Nasihat.

Tuan Pengerusi, di dalam buku Anggaran Belanjawan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah menerangkan bahawa bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat bertujuan mentadbirkan dan menguatkuasakan perbekalan mengikut Akta

Mengawal dan Melesen pemaju-pemaju perumahan dan juga bersedia memberi khidmat nasihat bukan sahaja kepada bakal-bakal pembeli-pembeli rumah tetapi juga kepada siapa sahaja yang ingin berkecimpung dalam perusahaan perumahan.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada peranan bahagian yang penting ini ingin saya mencadangkan kepada Kementerian supaya memperlengkapkan bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat dengan kakitangan yang cukup dan yang berkelibar supaya bahagian ini dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan yang ingin saya tegaskan di sini bahawa adalah tidak berguna mengadakan satu bahagian seperti ini sekiranya ia tidak dapat diberi apa-apa kesan ataupun hasil yang berguna.

Pada masa ini bahagian ini tidak dapat bergerak dengan berkesan oleh kerana kekurangan kakitangan yang berkelibar untuk menjalankan tugas-tugas mereka untuk memberi nasihat kepada bakal pembeli-pembeli rumah dan apa yang lebih mustahaknya menentukan samada pemaju-pemaju perumahan ada melanggar peruntukan-peruntukan Akta Pemaju-pemaju Perumahan atas kepentingan pembeli-pembeli rumah. Dalam hubungan ini ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah Pegawai-pegawai penguat kuasa yang telah dilantik oleh menjalankan tugas-tugas seperti ditetapkan oleh bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat.

Tuan Pengerusi, mengikut pengetahuan saya bahagian ini tidak mempunyai kakitangan penguat kuasa yang cukup dan oleh yang demikian dia tidak dapat berjalan dengan berkesannya. Tuan Pengerusi, atas Pelesenan dan Khidmat Nasihat yang sama ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang tindakan tipu helah yang dilakukan oleh sebuah syarikat yang mengeluarkan iklan-iklan dalam beberapa suratkhbar tempatan yang membawa pengertian kepada orang ramai bahawa syarikat ini ada mengusahakan beberapa rancangan kemajuan perumahan dan tanah-tanah tapak rumah dalam rancangan-rancangan itu boleh dibeli oleh orang ramai dengan harga yang murah dan dengan cara bayaran ansuran bulanan yang mudah. Syarikat yang saya sebutkan ialah Syarikat Sri Alam Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi, sebenarnya, tanah-tanah yang hendak dijual itu bukan tanah-tanah untuk tapak rumah, tanah-tanah itu adalah tanah-tanah yang dimiliki oleh syarikat ini dengan suratan hakmilik yang mempunyai syarat bahawa tanah-tanah itu hanya boleh digunakan untuk perusahaan pertanian. Dan semasa syarikat itu mengeluarkan iklan-iklannya sebarang tindakan belumpun diambil untuk mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk mendapatkan kebenaran bagi syarat itu ditukar supaya tanah-tanah itu boleh digunakan untuk membina rumah-rumah. Tindakan tidak juga diambil bagi mengemukakan pelan lay out kepada pihak Berkuasa Tempatan untuk pertimbangan dan kelulusan. Pendek kata, iklan-iklan yang dikeluarkan itu menyesatkan kerana pembeli tanah itu tidak diberi jaminan bahawa mereka akan tetap dibenarkan membina rumah di atas tanah yang dibeli itu. Mereka tidak difahamkan bahawa samada mereka akan dapat membina rumah di atas tanah yang dibeli itu adalah bergantung semata-mata kepada kuasa budibicara pihak berkuasa yang berkenaan untuk memutuskan samada permohonan yang dikemukakan kelak oleh syarikat ini bagi menukar syarat boleh diperkenankan atau tidak. Oleh hal yang demikian, saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyiasat atas hal ini dan juga dapat memberi satu lapuran mengenai kes ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk kepada Kepala P. 15 Pecahan-kepala 1, muka surat 92 mengenai Perumahan Awam. Menurut Buku Anggaran Belanjawan tujuan utama Kementerian dan Kemajuan Perkampungan ialah untuk merancang dan menyelaras satu rancangan nasional mengenai perumahan awam, khususnya perumahan kos rendah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Tujuan ini amat penting, akan tetapi saya berharap bahawa Kerajaan dapat mengimplimentasikan dengan sungguh-sungguhnya supaya kehendak-kehendak rakyat yang berpendapatan rendah tidak dikesiawakan. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa perumahan awam telah menjadi masalah sosial yang amat serius yang dihadapi oleh negara kita, khususnya di Ibukota negara iaitu Kuala Lumpur. Pada waktu ini Kuala Lumpur sedang menghadapi kekurangan perumahan awam kos rendah

dan akibatnya lebih daripada 16,000 pemohon-pemohon sedang menunggu mendapatkan rumah-rumah pangsa Kerajaan.

Baru-baru ini kami mendapat tahu bahawa apabila satu sekim perumahan kos rendah yang dibina oleh Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan di Batu 3 Jalan Cheras, Kuala Lumpur diiklankan di dalam suratkhbar lebih daripada 15,000 pemohon-pemohon telah memohon lebih kurang 676 buah rumah kos rendah sahaja di situ.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Yang di-Pertua, ini membuktikan dengan nyata bahawa terdapat kekurangan rumah-rumah yang amat serius di dalam bandaraya Kuala Lumpur hari ini. Adalah nyata bahawa untuk mengatasi masalah ini lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah patutlah dibina di Wilayah Persekutuan. Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberikan perhatian yang lebih berat kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah di dalam Wilayah Persekutuan. Saya berharap bahawa Kementerian dapat memberikan peruntukan yang lebih besar kepada pihak Dewan Bandaraya untuk melaksanakan sekim-sekim perumahan kos rendah untuk memenuhi kehendak-kehendak golongan berpendapatan rendah yang berharap boleh memiliki rumah sendiri.

Tuan Pengerusi, di dalam perbincangan saya dengan pihak Dewan Bandaraya, saya mendapati bahawa lebih banyak rumah pangsa tidak dapat dibina oleh kerana kekurangan peruntukan dari Kerajaan Pusat. Saya berharap bahawa Kementerian akan mengambil berat tentang perkara ini dan seterusnya memberikan peruntukan yang lebih kepada Dewan Bandaraya untuk membina rumah pangsa pada masa sekarang.

Di atas masalah perumahan awam lagi saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa pada tahun yang lalu Kerajaan telah mengumumkan bahawa satu Tabung Pusingan yang berjumlah \$10 juta telah ditubuhkan untuk membantu golongan miskin untuk mendapatkan rumah-rumah sendiri. Dalam hubungan ini ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah permohonan-permohonan pinjaman perumahan di bawah Tabung

Pusingan telah diterima oleh Kerajaan ataupun Kementerian dan bilakah pinjaman-pinjaman itu dapat dikeluarkan.

Sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kepala P. 15, Pecahan-kepala 4, muka surat 92, mengenai Instituti Penyelidikan Perumahan Negara. Tuan Pengerusi, menurut Buku Anggaran Belanjawan satu Instituti Penyelidikan Perumahan Negara akan ditubuhkan oleh Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang bertujuan bergerak sebagai satu agensi kebangsaan untuk memberi pertolongan, bimbingan dan perkhidmatan kepada sektor pembinaan perumahan. Penubuhan Instituti Penyelidikan Perumahan Negara ini telah lama ditunggu-tunggu, oleh kerana pada masa ini Kementerian tidak ada menjalankan penyelidikan yang sewajarnya dan banyak perkara-perkara telah dilakukan tanpa koordinasi dan penyelidikan yang sesuai. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian supaya langkah-langkah dapat diambil dengan segera untuk menubuhkan Instituti Penyelidikan Perumahan Negara untuk mencari cara-cara mempercepatkan pembangunan perumahan di negara kita.

Sekarang saya ingin menyentuh kepada Kepala P. 15 Pecahan-kepala 5 muka surat 92 mengenai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri—Perumahan. Atas perkara ini ingin saya menyentuh sedikit mengenai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor (P.K.N.S.). Dalam hubungan ini saya ingin merujuk kepada rumah-rumah pangsa sederhana yang telah dibina oleh P.K.N.S. di Seksyen 17, Petaling Jaya. Berkaitan dengan perkara ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu permintaan daripada penghuni-penghuni supaya diberi hak memiliki rumah-rumah pangsa sederhana itu. Walaupun mereka telah berulang kali memohon untuk mendapatkan hakmilik bagi rumah-rumah yang mereka duduki sekian lama itu, tetapi sehingga sekarang pihak yang berkenaan belum lagi mengambil sebarang tindakan yang positif untuk menolong mereka. Sebaliknya pula, pihak berkenaan telah membebaskan lagi penghuni-penghuni rumah pangsa tersebut dengan menaikkan sewa rumah ke kadar yang amat tinggi, sewa yang dibayar oleh penghuni-penghuni telah dinaikkan dari \$85 sehingga \$150 mulai November, 1976. Ini merupakan satu beban yang berat ter-

hadap mereka. Saya tidak nampak ada apa-apa alasan yang menasabah bagi P.K.N.S. untuk membuat keputusan ini, begitu juga keadaan pekedai-pekedai di situ perniagaan mereka adalah bergantung kepada penduduk-penduduk rumah pangsa sahaja. Sebarang kenaikan sewa terhadap pekedai-pekedai yang tinggi akan menjejaskan perniagaan mereka dan dengan tidak secara langsung akan melibatkan perkara penghuni-penghuni di situ dengan kenaikan harga barang-barang. Sikap dan dasar P.K.N.S. adalah mendukacitakan dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menggunakan jasa baiknya untuk menasihatkan P.K.N.S. supaya dapat mengambil langkah-langkah yang positif untuk menjualkan rumah-rumah pangsa sederhana di Seksyen 17, Petaling Jaya kepada penghuni-penghuni mengikut konsep pemilikan rumah (house-owning democracy).

Akhirnya, Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Kepala B. 15, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (4) mengenai Jabatan Perumahan Negara. Ingin saya menyatakan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan adalah sebuah Kementerian yang baru dan masih belum lagi dapat mencipta satu kesan yang lebih besar ke atas orang ramai tentang kemajuan perumahan di negara ini. Jabatan Perumahan Negara yang ditubuhkan di dalam Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan adalah lemah kerana bahagian ini tidak cukup kakitangan untuk merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan perumahan di negara kita.

Adalah menjadi pendapat saya bahawa sudah sampailah masanya untuk Kementerian ini merintis jalan ke arah penubuhan sebuah Lembaga Kemajuan Perumahan untuk menggantikan Jabatan Perumahan Negara yang wujud sekarang supaya Lembaga ini dapat mengetahui acceleration kemajuan rumah-rumah di negara kita. Apa yang kita perlu pada hari ini, Tuan Pengerusi, ialah satu Lembaga Kemajuan Perumahan yang lengkap dengan kuasa-kuasa dan juga untuk mempunyai kakitangan terlatih yang cukup untuk mempunyai wang yang cukup supaya dapat memberi arahan baru dalam kemajuan perumahan di negara kita.

4.41 *ptg.*

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya minta izin menyentuh Kepala P. 15, Pecahan-kepala 31, muka surat 92—Kemajuan Perkampungan. Sekarang terdapat 465 kampung-kampung baru di seluruh Malaysia. Saya suka menyatakan bahawa anggaran \$4 juta di bawah Kepala ini adalah tiada mencukupi untuk kemajuan semua kampung-kampung baru yang telah lama ketinggalan. Kampung-kampung baru ini didirikan semasa zaman kemuncak darurat lebih kurang 20 tahun dahulu dan kita semua sedar bahawa orang-orang kampung ini semua orang-orang yang miskin. Melainkan Kerajaan menguntukkan lebih banyak wang untuk kemajuan adalah tiada mungkin kita dapat mencapai matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga serta hendak membasmi kemiskinan.

Penduduk-penduduk di kampung baru ini tinggal dalam rumah yang penuh sesak serta sempit yang mereka dirikan 25 tahun dahulu semasa zaman penempatan semula. Dengan bertambahnya anggota keluarga rumah-rumah mereka itu telah menjadi kecil untuk keluarga mereka. Untuk menyelamatkan keluarga-keluarga ini dari menjadi mangsa daripada penyakit kerana rumah-rumah yang sesak, saya rasa masanya telah tiba bagi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbang untuk mendirikan rumah-rumah murah untuk penduduk-penduduk dalam kampung-kampung baru. Saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Menteri dapat menyemak semula setengah kampung-kampung baru yang terpencil supaya lebih berdekatan dengan pekan-pekan atau kawasan-kawasan perindustrian supaya penduduk-penduduknya akan mendapat perkerajaan atau menjalankan perniagaan demi memperbaiki taraf hidup mereka.

Saya suka juga hendak bercakap di bawah Kepala B. 15, Pecahan-kepala 1100 (3) Pelesenan dan Khidmat Nasihat. Saya harap Kementerian ini akan menimbang dengan teliti sebelum meluluskan permohonan daripada developer untuk menjalankan housing scheme, kerana saya tahu harga rumah-rumah yang didirikan oleh developers swasta melampau tinggi kalau dibandingkan dengan rumah-rumah yang dirikan oleh Perbadanan Pembangunan Negeri atau ejensi-ejensi Kerajaan yang lain. Saya bukanlah di sini sentuh kepada semua developers swasta,

tetapi saya percaya ada di antara developers swasta sebahagian yang kecil yang hendak cari keuntungan yang terlampau tinggi.

Di Bukit Mertajam, saya tahu ada satu housing scheme yang hendak menjualkan rumah kediaman lebih daripada \$50,000 satu unit. Pada fikiran saya ini bukanlah hendak menolong Kerajaan melaksanakan dasar demokrasi pemilihan rumah untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Saya minta Yang Berhormat Menteri ambil perhatian kepada perkara ini dan nasihatlah kepada developers swasta supaya jualah rumah-rumah dengan harga yang berpatutan supaya penduduk-penduduk di luar bandar boleh dapat hasil daripada sekim-sekim yang diluluskan oleh Kementerian ini.

4.45 *ptg.*

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyentuh P. 15, Pecahan-kepala 1—Perumahan Awam.

Tuan Pengerusi, peruntukan bagi Perumahan Awam ini adalah perkara baru dalam rancangan perumahan dan saya mengalu-alukan rancangan ini yang telah disediakan oleh Kementerian yang berkenaan. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah supaya Kementerian ini dapat menimbang untuk diperbanyakkan sekim perumahan awam ke kampung-kampung di luar bandar kerana masalah perumahan adalah sama sahaja keadaannya seperti yang di dalam bandar. Dan keperluan rumah pada hari ini terlalu menggalakkan dan kebanyakan penghuni-penghuni rumah mengharapkan bantuan dan kemudahan daripada Kementerian.

Sukalah saya mengesyorkan kepada Kementerian supaya dapat membuat rancangan jangka panjang, pertamanya ialah untuk mendapatkan tapak-tapak perumahan. Kementerian perlulah mendesak atau berunding dengan Kerajaan Negeri supaya dapat memperuntukkan tapak-tapak perumahan ini supaya tidak terlambat, kerana biasanya perkara tapak rumah adalah menjadi satu masalah untuk membuat rancangan perumahan. Pada hari ini masih ada lagi peluang untuk mendapatkan tapak-tapak itu dan kalau dirundingkan, saya percaya dapat diatur bagi perkara yang tersebut.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, saya berharap benar supaya matlamat rancangan dalam peruntukan ini dapat dijadikan satu

perkara yang benar-benar menyenangkan hati penghuni-penghuni rumah supaya rancangan kos rumah murah itu dapat benar-benar diperhatikan, dapat benar-benar dijadikan dalam keadaan yang murah yang dapat diharapkan oleh penghuni-penghuni dengan membayar cara mudah dan cara yang boleh menyenangkan dari segi sesuai dengan pendapatan mereka. Saya difahamkan bahawa rancangan perumahan ini melibatkan kos infrastruktur. Saya harap Kementerian ini dapat mengambil perhatian supaya kos infrastruktur itu dapat diasingkan, tidak dicampurkan dengan kos perumahan yang sebenarnya. Ini boleh menyelesaikan masalah kos perumahan yang rendah, sebab kos infrastruktur itu mengambil lebih kurang hampir 30% atau 40% daripada kos rumah yang sebenarnya. Infrastruktur itu kita asingkan dan kemudian kita minta kerjasama J.K.R. atau J.P.T. untuk menyediakan salurannya atau jalan-jalan dan sebagainya. Perkara itu kita boleh datangkan kemudian daripada rancangan bangunan rumah yang hendak diadakan. Yang perlu kita buat, ialah mengadakan persediaan rumah itu dahulu, kemudian barulah didatangkan infrastruktur dengan beransur-ansur. Ini boleh dapat menggalakkan dan memberikan kemudahan yang lebih cepat kepada mereka yang berkehendakkan rumah murah itu.

Yang ketiga, saya berharap supaya dibuat kawalan pembinaan rumah murah ini supaya tidak memberi kesempatan kepada pemaaju rumah untuk mendapatkan keuntungan besar dan sebagainya, kerana ini sudah menjadi kebiasaan bila mendirikan rumah ataupun membina rumah sentiasalah tidak dapat dikawal harganya dan yang diharap akan mendapatkan harga murah tetapi bila selesai sekim perumahan itu maka kita dapati harganya melambong tinggi dan tidak begitu terkawal. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya memberikan pandangan saya dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

4.51 p/g.

Wan Zainab hinti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, di dalam peruntukan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ini, saya suka lah menyentuh kepada Kepala B. 15, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2), muka surat 89—Perancangan dan Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, di satu masa dahulu Kementerian ini disebutkan dengan nama Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baharu. Jadi kampung-kampung baharu sahajalah diberi perhatian. Tetapi dengan istilah perkampungan ini, saya harap bukan sahaja kampung-kampung baharu, kampung-kampung lama pun diberi perhatian. Sebab saya katakan begitu, Tuan Pengerusi, banyak kampung-kampung yang tidak ada bekalan lampu letrik dan air paip dan lain-lain kemudahan asas seperti parit, telaga, padang permainan, gelanggang sepak takraw, badminton court dan lain-lain permainan bagi kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan yang mana di satu masa melawat ke Sungai Petani telah bermurah hati memberi peruntukan sebanyak \$4,500 untuk membina sebuah gelanggang bola jaring, termasuklah gelanggang sepak takraw dan lain-lain permainan; kalau berlebihan wang di rancangan perumahan murah Taman Seri Putra. Jadi penduduk-penduduk di sana sangatlah besar hati dan mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi, di dalam rancangan dan pembinaan kampung-kampung termasuk kampung-kampung baharu, satu perkara yang mesti difikirkan ialah soal perumahan murah. Kita tahu banyak rakyat kita ini terdiri dari golongan berpendapatan rendah yang sangat-sangat dahaga kepada rumah yang boleh mereka miliki itu dengan taraf dan kemampuan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, selalu Yang Berhormat Menteri-menteri melaungkan melalui surat-suratkhabar, TV dan Radio yang Kerajaan akan membina rumah-rumah murah di sana-sini. Tetapi selalu pihak Kerajaan akan mengumumkan perkara ini begitu awal sangat, kadang-kadang kalau dikatakan dalam tahun 1973/1974 tetapi yang penduduk-citakan sampai tahun 1976 pun tidak ada apa-apa pembinaan di atas satu-satu tanah kosong. Katakanlah di kawasan saya di Sungai Laya. Dikatakan sebanyak 120 unit akan dibina atau akan didirikan sampai ke hari ini apa pun tidak ada, hanya tanah sahaja. Jadi rakyat tertanya-tanya, bilakah hendak mendirikan rumah-rumah itu. Dan selalu kita katakan: nantilah dulu, mungkin itukah, inikah. Kita tidak mahu

selalu melambat-lambatkan satu-satu projek itu. Kalau sudah kita kata, segeralah kita kota.

Tuan Pengerusi, bila satu kebakaran rumah berlaku, penghuni rumah-rumah ini sangat gelisah sebab tidak ada tempat berlindung. Jadi kebanyakan yang kena kemalangan tadi ialah mereka daripada golongan miskin. Jadi selalulah macam kata pepatah, sudah jatuh ditimpa tangga. Mereka ini patutlah diberi keutamaan masa ditemuduga untuk mendapatkan rumah-rumah murah tadi. Sepatutnya mereka ini diberi perhatian istimewa yang sungguh-sungguh memerlukannya. Kadang-kadang di dalam satu-satu temuduga untuk mendapatkan rumah murah, yang ada itu dapat pula lagi rumah-rumah. Saya berharap Kementerian Perumahan ini semasa membuat temuduga itu mestilah kita berhati-hati dan menyoal dengan soalan-soalan supaya mereka yang ada rumah itu rasa takut hendak mengaku yang mereka itu tidak ada rumah.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya suka bercakap di sini ialah mengenai kampung-kampung baharu yang banyak mempunyai kemudahan. Kadang-kadang parit-parit di kampung-kampung baharu itu ada diberi perhatian. Pada pendapat saya sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan agar titi-titi kecil di kampung-kampung diberi perhatian juga. Sebab di kampung-kampung sungguh-pun tidak ada parit, tetapi ada banyak anak-anak sungai. Dan untuk menyeberang dari satu kampung ke satu kampung yang lain, patutlah sangat titi-titi ini dibina. Titi ini sangatlah mustahak bagi petani-petani, kanak-kanak ke sekolah, menziarahi saudaramara masa kenduri ataupun kematian dan juga lain-lain perkhidmatan sosial.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 15, Pecahan-kepala 31—Kemajuan Perkampungan, muka surat 92. Di dalam perkara ini, saya suka mengesyorkan iaitu patutlah diberi pertimbangan untuk mengadakan padang bola ataupun gelanggang untuk belia-belie di kampung-kampung tadi. Misalnya, ada dua tiga kampung yang berdekatan. Jadi kita tengoklah di mana-mana sekampung daripada dua tiga kampung itu, kalau ada tanah-tanah lapang untuk kita adakan padang bola, patutlah pihak Kementerian ini beri satu padang bola kepada belia-belie yang berdekatan di situ. Katakanlah di Kampung A

belia-belie di situ boleh membuat perlawanan bola dengan belia-belie di Kampung B ataupun di Kampung C. Jadi dengan adanya kemudahan ini bagi belia-belie, saya ingat mereka ada aktiviti yang bagi pihak belia dan muda-mudi tadi, tidaklah mereka itu berkumpul di satu-satu tempat dan membuang masa sahaja. Kadang-kadang dengan berkumpul beginilah akan berbangkit masalah yang tidak diingini. Jadi kalau ada wang berlebih-lebihan, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menimbangkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya suka sebutkan di sini ialah berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Negeri, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (P.K.N.K.). P.K.N.K. dan juga pihak Kementerian patutlah membeli tanah-tanah kosong, katakanlah estet-estet yang besar-besar yang kadang-kadang dipecah-pecahkan dan dijual kepada satu-satu golongan dan satu-satu pihak. Pihak Kerajaan membeli estet ini yang hendak dipecah-pecahkan tadi. Kalau kita buat rumah pun boleh, dijual secara tapak-tapak rumah. Kalau boleh didirikan rumah-rumah dengan bayaran murah ataupun dengan bayaran yang berpatutan, ini satu cara untuk kita memberi peluang kepada setinggan-setinggan yang berselerak di bandar-bandar dan di tepi-tepi sungai. Mereka ini kalau duduk berselerak begitu, mereka mempunyai keluarga dan anak-anak sekolah. Mereka tidak dapat kemudahan api dan bekalan air paip. Mereka ini boleh jadi ambil air-air sungai di situ. Satu daripada segi kesihatan, tidak begitu baik dan juga di satu-satu masa, bila mereka ini dibiarkan begitu sahaja, tentulah mereka ini kadang-kadang berfikir ataupun menuduh Kerajaan tidak mengambil berat kepada mereka itu. Jadi sekiranya ada estet-estet yang hendak dijual tadi, pihak Kementerian atau Perbadanan Kemajuan Negeri bolehlah membeli estet-estet ini dan dirikan rumah untuk setinggan-setinggan ataupun orang-orang yang berpendapatan rendah.

Dengan ini saya menyokong peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

4.58 prg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Pengerusi, dalam perbahasan ini saya ingin hendak

menyentuh di bawah P. 15, Pecahan-kepala 31—Kemajuan Perkampungan, muka surat 92.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang mana pada tahun 1977 telah memperuntukan wang yang agak lebih kepada subject ini untuk memajukan perkampungan dalam negara kita.

Satu kemusykilan saya ialah berkenaan dengan takrif perkampungan. Apakah yang dikatakan perkampungan dalam subject ini tertentu kepada kampung-kampung baharu sahaja ataupun termasuk kepada kampung-kampung yang lain. Dan adakah semua sekali kampung-kampung baharu iaitu kampung-kampung yang menjadi penempatan semula di dalam masa dharurat dahulu telah disenaraikan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana sepanjang pengetahuan saya belum ada lagi kampung-kampung baru orang Melayu dan bumiputra yang lain di kampung baru orang Siam di Negeri Kedah yang mendapat faedah rancangan kemajuan daripada Kementerian ini. Sepertimana kita sama-sama maklum bahawa dalam masa dharurat dahulu banyak juga bilangan kampung baru yang diwujudkan untuk penempatan semula orang-orang Melayu, Siam dan lain-lain kaum selain daripada kampung baru orang China. Di negeri Kedah umpamanya ada beberapa buah kampung baru seperti Kampung Baru Padang Keliang, Kampung Baru Padang Pusing, Kampung Baru Nakar untuk orang-orang bumiputra dan orang Melayu. Demikian jugalah di negeri-negeri lain seperti di Kelantan, Perlis dan lain-lain.

Saya sebutkan perkara ini bukanlah saya bertujuan hendak mengatakan Kementerian ini membelakangkan kemajuan kampung baru orang Melayu dan bumiputra, kerana saya sendiri sedar bahawa Kementerian ini baru sahaja diwujudkan, kalau tidak salah saya dalam tahun 1974, tambahan pula peruntukan wang kepada kemajuan perkara ini di tahun-tahun lalu amatlah terhad sekali. Dengan sebab itu tentulah Kementerian ini tidak dapat hendak mengadakan rancangan kemajuan di kampung baru di seluruh negara kita. Tetapi oleh kerana peruntukan wang di bawah Pecahan-kepala ini untuk tahun 1977 saya nampak bertambah \$4 juta, demikian juga dalam Rancangan Malaysia Ketiga kelak ada sebanyak \$19 juta, sebab itu saya

berharap supaya Kementerian ini dapat mengadakan rancangan kemajuan di kampung-kampung baru orang Melayu dan bumiputra yang lain seperti orang Siam umpamanya. Kalau di kampung baru orang China misalnya boleh mendapat rumah tokong, padang permainan yang baik dan sebagainya, saya harap kampung baru orang Melayu dan bumiputra lainnya juga mendapat rumah ibadat dan padang permainan dan sebagainya, terutama sekali, Tuan Pengerusi, kepada kampung baru yang kedudukannya agak sensitif dari segi keselamatan sekarang ini seperti di daerah-daerah Baling, di Kedah, Sik, Padang Terap dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala B. 15, Aktiviti (2) muka surat 89—Perancangan dan Kemajuan Perkampungan. Apakah aktiviti di bawah perkara ini? Walau bagaimanapun, saya inginlah menyatakan kedudukan kampung-kampung di luar bandar dalam negara kita pada masa ini telah ada ditubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (J.K.K.K.) sejak beberapa tahun yang lalu. Pada hemat saya kalau tenaga mereka digunakan dengan sebaik-baiknya oleh Kerajaan, saya percaya mereka bukan sahaja boleh menjadi daya penggerak kepada pelaksanaan rancangan-rancangan yang akan dijalankan di bawah rancangan dan kemajuan perkampungan ini, bahkan juga boleh menjadi tenaga yang berkesan kepada Kerajaan dalam usaha memajukan sosio-ekonomi orang kampung. Oleh sebab itu, Kerajaan hendaklah memberikan latihan dan kursus yang patut kepada ahli-ahli J.K.K.K. yang telah ditubuhkan dalam negara kita supaya tenaga yang telah disusun itu benar-benar memberi kesan kepada masyarakat di kampung.

Satu perkara lagi ialah di bawah P. 15, Pecahan-kepala I—Perumahan Awam. Saya tidaklah berhajat hendak menyentuh perkara rancangan perumahan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan negeri atau pihak pemaju perumahan dan sebagainya, kerana perkara seperti itu telah banyak disebut oleh sahabat-sahabat saya yang lain yang telah dapat peluang bercakap lebih dahulu daripada saya. Perkara yang hendak saya bangkitkan sedikit sahaja iaitu berhubung dengan cadangan hendak mendirikan rumah oleh orang awam sendiri di atas tanah kepunyaan mereka sendiri yang mana pada masa ini

ramai bilangan orang awam yang bermuafakat sama-sama mereka membeli sebidang tanah seluas 2-3 ekar dengan berkongsi 5-6 orang. Nama-nama mereka telah dicatitkan dalam surat hakmilik tanah itu. Urusan pemecahan lot tanah dan ubah syarat tanah itu kepada tempat kediaman lazimnya mereka jalankan melalui juruukur yang berlesen dan jika mereka terus sahaja mendirikan rumah di atas tanah itu dengan tidak terlebih dahulu membuat pemecahan dan ubah syarat, perkara itu bukan sahaja menjadi kesalahan dari segi undang-undang bahkan juga mungkin menjadi masalah sosial di antara mereka pada masa yang akan datang. Apa yang menjadi masalah berkenaan dengan proses pemecahan lot tanah dan ubah syarat tanah itu yang memakan masa sangat lama sehingga 2-3 tahun belum selesai.

Keduanya, syarat-syarat yang dikenakan bersabit dengan jalan dalam kawasan bakal tapak perumahan di situ sangat ketat iaitu hendaklah dibubuh jalan tar sama seperti yang dikenakan kepada pemaju perumahan persendirian. Walaupun urusan ini urusan Kerajaan Negeri atau ada hubungan dengan jabatan lain seperti J.K.R. dan Perancangan Bandar dan lain-lain, saya percaya Kementerian ini boleh menggunakan jasa baiknya berunding dengan Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatan lain supaya perkara permintaan pemecahan lot dan ubah syarat tanah kepada tapak rumah yang diminta oleh sekumpulan orang awam hendaklah diberikan pertimbangan yang utama dan hendaklah disegerakan dan seboleh-bolehnya hendaklah dilonggarkan sedikit syaratnya tidak seperti yang dikenakan kepada pemaju perumahan. Masalah ini jika dapat diatasi bukan sahaja menolong orang ramai tetapi boleh juga mengatasi masalah perumahan yang sedang dihadapi oleh Kerajaan masa ini.

Sekianlah sahaja, akhirnya sekali lagi saya menyokong perbekalan kepada Kementerian ini.

5.08 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan di bawah Kepala B. 15 dan Kepala P. 15 yang berjumlah \$117,548,520.

Tuan Pengerusi, kalau dilihat peruntukan yang diminta oleh Kementerian berkenaan dan kita bandingkan pula peruntukan yang telah dibuat pada tahun 1976, maka kita dapati peruntukan pada tahun 1977 melebihi sekali ganda atau 100% daripada peruntukan tahun lalu. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita sangat sedar tentang seriusnya keadaan masalah perumahan yang timbul dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh tentang Pecahan-kepala 5, muka surat 92 iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri—Perumahan. Dalam hubungan ini Kementerian Perumahan akan bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri untuk mendirikan rumah-rumah murah kepada rakyat. Yang pertama, saya suka menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan tentang rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri pada tahun-tahun yang lalu. Kalau kita semak kita dapati kebanyakan Perbadanan Kemajuan Negeri mendirikan rumah bukan untuk keperluan rakyat tetapi mendirikan rumah ini sebagai satu perusahaan tidak sebagai satu perkhidmatan, kerana rumah-rumah yang didirikan oleh perbadanan-perbadanan ini lebih kurang sama harganya dengan harga rumah yang didirikan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta. Sebagai contoh di Negeri Pulau Pinang, harga rumah teres ialah \$25,000 ke atas dan harga rumah kembar \$35,000 ke atas. Apabila pihak Wakil Rakyat berjumpa dengan pihak yang berkenaan hendak tahu mengapa harga rumah begitu tinggi jawapan yang diberikan ialah kerana bahan-bahan binaan tinggi, harga tanah tinggi dan sebagainya. Jadi perkara yang lepas itu tidak dapat kita hendak baik lagi, apa yang saya harapkan pada tahun-tahun yang akan datang terutama dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini saya harap Kementerian ini dapat memberi arahan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri supaya mengutamakan rumah-rumah kos rendah sahaja. Kalau pihak perbadanan tidak dapat bersetuju dengan ini maka pihak Kementerian saya fikir tidak harus memberi bantuan untuk mendirikan rumah-rumah kepada pihak Perbadanan Kemajuan Negeri. Kalau perkara ini berlanjutan, pihak Perbadanan Kemajuan Negeri masih lagi menjalankan cara perniagaan rumah-rumah ini maka tujuan Kerajaan untuk memberi

rumah-rumah kepada rakyat yang berpendapatan rendah barangkali tidak akan tercapai.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ialah mengenai membina rumah-rumah ini saya tujukan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini saya dapat hampir 80% projek-projek perumahannya akan didirikan dalam kawasan bandar, kawasan bandar Pulau Pinang sahaja tidak kurang daripada 5,000 yunit yang akan didirikan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri, pihak Lembaga Kerajaan Tempatan, pihak swasta dan lain-lain. Pada hal di luar bandar di kawasan saya sendiri tidak lebih dari 300 yunit sahaja. Kita tahu selama ini di bandar-bandar sudah banyak rumah-rumah didirikan oleh pihak pemaju-pemaju perumahan swasta. Kita tahu selama ini pemaju-pemaju perumahan swasta banyak menumpukan perhatian mereka mendirikan rumah-rumah yang berharga tinggi dan untuk segolongan kecil sahaja orang ramai. Jadi, kalaulah pihak Perbadanan Kemajuan Negeri juga menumpukan projek-projek mereka di bandar bagaimanakah orang-orang yang berpendapatan rendah yang tinggal di kampung-kampung hendak mendapatkan rumah. Jadi, saya harap Kementerian ini dapat berunding semula dengan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang supaya dibanyakkan mendirikan projek-projek perumahan kos rendah di kawasan-kawasan luar bandar sekurang-kurangnya kalau boleh satu kawasan Dewan Undangan Negeri patut diadakan dua projek ataupun bilangan rumah 200 yunit itu sekurang-kurangnya, sebab memandangkan kepada rumah-rumah yang ada di bandar-bandar sudah lebih daripada yang patut.

Tuan Pengerusi, saya juga tertarik hati dengan gerakkerja yang telah dicatitkan dalam buku ini kerja-kerja Kementerian Perumahan yang berbunyi:

“(e) Merancang satu rancangan perumahan persekutuan atas dasar luar jangka untuk mengatasi keadaan-keadaan di mana kekurangan perumahan yang serius yang terdapat di kawasan-kawasan tertentu boleh dieksploitasi oleh anasir-anasir untuk mengancam keselamatan negara;”

Dalam hubungan ini saya suka memberi pendapat saya sedikit iaitu Kerajaan patut berdasarkan kepada tujuan ini mengadakan

satu kawalan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta. Sebagai contoh di Negeri Pulau Pinang, tanahnya sangatlah kecil—kawasan tanah yang tinggal kecil dan tanahnya begitu mahal sekali. Kalau Kerajaan tidak mengadakan kawalan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta ini barangkali dalam lima tahun lagi tidak ada langsung kawasan-kawasan tanah yang tinggal yang boleh didapati oleh Kerajaan untuk mendirikan rumah-rumah murah—tidak ada lagi. Sebab kawasan saya di luar bandar hari ini tanah-tanah private harganya satu kaki \$10, 20-30 batu jauh daripada bandar. Jadi, saya harap Kerajaan mengawal pihak syarikat pemaju swasta ini patut dihadkan pembinaan mereka. Kalau tidak dihadkan mungkin orang-orang miskin di luar bandar tidak boleh lagi tinggal di Negeri Pulau Pinang. Kawalan ini bertujuan supaya pihak Kerajaan atau lain-lain pihak seperti syarikat kerjasama yang akan membeli tanah-tanah ini yang bertujuan untuk membina rumah-rumah murah kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, kalau tidak ada kawalan saya bimbang macam saya katakan tadi orang-orang miskin tidak akan ada tempat tinggal di bandar-bandar baharu dan di dalam Negeri Pulau Pinang sendiri.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi saya hendak menarik perhatian Kementerian yang berkenaan iaitu mengenai pegawai-pegawai Kerajaan yang mendapat pinjaman perumahan. Saya menerima banyak aduan daripada kakitangan yang telah menempah rumah-rumah yang didirikan oleh pihak swasta. Setelah mereka tempah dan bayar wang muka mereka pun membuat permohonan kepada jabatan masing-masing tetapi permohonan itu akan tiba 8 atau 9 bulan kemudian dan pihak pemaju perumahan swasta tidak akan dapat menunggu lebih lama sebab dia ada masa yang tertentu. Ini menyebabkan ramai kakitangan Kerajaan tidak berpeluang membeli rumah-rumah yang didirikan oleh swasta kerana masa untuk memproses pinjaman itu diambil oleh jabatan yang berkenaan terlampau lama.

Tuan Pengerusi, saya masih ingat lagi Allahyarham Tun Abdul Razak telah mengarahkan pihak yang berkenaan supaya dapat mencari jalan membina rumah-rumah yang berharga rendah. Salah satu arahnya ialah meminta pihak yang berkenaan supaya menyegerakan membuat pindaan kepada building bye-laws. Tetapi sehingga hari ini

saya tidak nampak bahkan saya masih tertunggu-tunggu pihak yang berkenaan belum lagi mengemukakannya ke dalam Dewan ini. Building Bye-laws yang ada sekarang ini hanya membolehkan rumah-rumah batu sahaja yang boleh diinsurankan, rumah yang diperbuat sepenuhnya daripada kayu tidak boleh dilindungi oleh insuran. Saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat membawa pindaan kepada building bye-laws ini seberapa segera yang dapat.

5.20 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dan seterusnya menyokong di atas permohonan yang dibuat oleh Kementerian ini, pertama kali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian ini kerana tujuannya begitu mulia dan murni. Misalnya, untuk merancang dan menyelaraskan satu rancangan nasional mengenai perumahan awam khususnya perumahan kos rendah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah, ini pada fikiran saya ialah satu tujuan yang murni dalam peranan Kementerian ini mengambil bahagian dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam hal ini satu perkara saya ingin mengingatkan Kementerian ini bahawa sanya mereka yang berpendapatan rendah, mereka yang dipanggil rakyat marhin, bukan sahaja terdapat kepada satu-satu golongan kaum, bukan sahaja terdapat di dalam bandar, bukan sahaja terdapat di kampung-kampung baru, rakyat berpendapatan rendah yang miskin terdapat merata-rata samada di luar bandar ataupun di dalam bandar, samada kaum India, China atau Melayu, samada mereka daripada kampung-kampung ataupun kampung-kampung baru. Ini saya ingin menarik perhatian Kementerian ini. Dalam melaksanakan tujuan yang murni ini Kementerian ini juga mungkin diminta supaya melaksanakan projek-projek terhad rumah awam kos rendah yang lengkap dan menambah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi menemui keperluan perumahan dan seterusnya mengadakan kewangan bagi perumahan untuk Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini bermakna bahawa Kementerian ini akan bekerja rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri

untuk melaksanakan tujuan memberi rumah-rumah harga murah kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Dalam hal ini saya ingin menjemput Kementerian ini menyemak projek-projek perumahan harga murah yang telah dirancang ataupun yang akan dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, terutama sekali Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Misalnya, mengikut maklumat yang saya telah dapat ada 8 projek perumahan di Negeri Pulau Pinang yang akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk panduan Kementerian ini :

(1) Bagan Ajam	...	...	540 yunit
(2) Kampung Baru Alma	...	...	250 yunit
(3) Kampung Telor	...	...	192 yunit
(4) Bukit Gelugor	...	...	560 yunit
(5) Batu Lanchang	...	...	616 yunit
(6) Telok Kumbar	...	...	50 yunit
(7) Relau	...	...	50 yunit

dan seterusnya (8) Taman Free School.

Saya minta Kementerian ini menyemak di manakah kelapan-lapan projek perumahan ini terletak, di kawasan siapa? Satu pun tidak ada di dalam kawasan saya sendiri. Adakah ini bermakna dalam kawasan saya sendiri semu pengundi-pengundi saya terdiri daripada mereka yang bergaji tinggi, yang kaya, yang mewah—tidak. Dalam satu negeri yang terlalu maju dalam Malaysia ini ialah Pulau Pinang tetapi kawasan sayalah yang terlalu mundur sekali dalam satu negeri yang terlalu maju. Oleh sebab itu, saya minta kepada Kementerian ini mengadakan sekurang-kurangnya satu projek perumahan harga murah dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh. Tidak melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi terus daripada Kerajaan Pusat. Kalau itupun tidak boleh, saya minta supaya Kementerian ini memberi segala bantuan seperti infrastruktur apabila ada kumpulan-kumpulan mereka ini membeli tanah dan berhajat hendak mendirikan rumah. Dengan memberi bantuan infrastruktur, jalan, air, lampu letrik, mungkin harga rumah akan dapat dikurangkan. Kalau ini pun tidak dapat dijalankan oleh Kementerian ini saya minta supaya Kementerian ini berhubung rapat dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan supaya melonggarkan syarat-syarat building bye-law untuk rumah-rumah yang

akan didirikan di luar bandar oleh mereka yang berpendapatan rendah. Kita tidak mahu seperti yang ada sekarang iaitu pegawai-pegawai daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menjadi hamba kepada building bye-law dan peraturan yang dibuatnya mesti dilonggarkan sedikit supaya membolehkan mereka ini terutama sekali di luar bandar yang berpendapatan rendah untuk dapat tempat tinggal yang sempurna. Saya tidak memerlukan play ground atau skating ring, cuma kita memerlukan rumah yang harga murah sahaja.

Saya bersetuju sangat dengan apa yang dicakapkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi bahawa ada Penang Development Corporation (P.D.C.) pada hal ini adalah satu badan yang memberi perkhidmatan. Sebaliknya badan ini bergerak seolah-olah mereka ini ialah pengusaha-pengusaha rumah swasta sehingga harga rumah-rumah yang didirikan oleh P.D.C. sendiri lebih tinggi daripada rumah-rumah yang didirikan oleh pihak swasta.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin juga membangkitkan lagi sekali perkara kemajuan perkampungan. Saya minta supaya perkara ini janganlah tumpukan kepada kampung-kampung baru sahaja, kampung-kampung yang lama pun lebih dhaif lagi daripada keadaan di kampung-kampung baru. Kalau ada bantuan dan peruntukan janganlah disalurkan kepada kampung-kampung baru sahaja kerana kampung-kampung yang lama juga ada masyarakat, rakyat yang lebih marhin, lebih dhaif lagi daripada masyarakat di kampung-kampung baru. Kalau tidak percaya saya jemput datang ke tempat saya.

5.29 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 15, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Perancangan dan Kemajuan Perkampungan. Saya menarik perhatian dalam bahagian ini kerana bila ada Yang Berhormat Menteri melawat telah mengadakan sedikit peruntukan dan kampung yang berkenaan tentulah bersukacita, tetapi saya rasa layanan yang seumpama ini ditumpukan kepada satu-satu kampung yang tertentu sahaja tidaklah wajar. Kerana apa yang saya tahu ada

sebuah kampung di kawasan saya, biarlah saya sebutkan berterus-terang, iaitu sebuah Kampung Baru Changkat Pinggan yang telah dibina iaitu tempat pemindahan orang-orang Melayu. Kampung ini hampir tenggelam, kemanakah mereka ini akan hidup di masa akan datang. Mereka ini tidak pernah diberi bantuan sebarang kemudahan baik pun infrastructure ataupun lain-lain yang sepatutnya mereka dapat di kampung-kampung. Kampung ini akan terancam lagi oleh kerana dikelilingi oleh beberapa buah kapal-kapal korek dan mereka ini saya rasa perlulah dipindahkan. Tempat pemindahan sedia ada. Untuk ini saya rasa pihak Kementerian yang berkenaan boleh berunding dengan Kerajaan Negeri kerana apa yang telah disiapkan sedia ada bagi pemindahan ini rasanya boleh dibuat pada bila-bila masa juga pun kerana kawasan pemindahannya telah disediakan dan beberapa jabatan-jabatan lain akan terlibat, mereka hendak pindah dari sekarang tidak boleh kerana rumah tidak ada, sekolah tidak ada, masjid tidak ada, yang ada tanah wakaf sahaja. Jadi, bagaimanakah mereka boleh hidup di kawasan yang baru dibuka ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan P. 15, Pecahan-kepala 31—Kemajuan Perkampungan. Dalam hubungan ini saya rasa kemajuan perkampungan pada masa yang lalu telahpun melantik beberapa orang penyelia kemajuan perkampungan. Tetapi anihnya lantikan-lantikan itu tertumpu kepada kampung-kampung baru sahaja. Mengapakah kampung-kampung bumiputra ini tidak mendapat layanan langsung? Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan sekurang-kurangnya tiap-tiap suatu mukim—bukan kampung—bolehlah dilantik seorang dan dipilih daripada mereka yang berkelayakan di suatu daerah itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan P. 15, Pecahan-kepala 5—Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri—Perumahan. Apa yang berlaku pada masa sekarang kebanyakan rumah-rumah yang dibina adalah tertumpu pada satu-satu kawasan yang tertentu sahaja berdasarkan beberapa permintaan terutama di bandar-bandar yang besar. Pada pandangan saya permohonan ini biasanya adalah mereka yang mengambil kesempatan padahal mereka ini telah ada rumah sendiri, kemudian

memohon sebuah rumah yang baru dengan menyewakan pula kepada orang lain dan mereka akan memohon lagi di tempat-tempat dan di bandar-bandar yang tertentu. Untuk pembahagian ini, saya rasa perlulah pihak Kementerian itu menyiasat dengan betul-betul benarkah mereka ini ada mempunyai rumah atau tidak.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya rasa Kementerian ini hendaklah mengawasi supaya Perbadanan Kemajuan Negeri ini dapat mengaturkan semua rancangan-rancangan perumahan ini supaya dapat disalurkan ataupun dapat diadakan atau dibina pada seluruh tempat, bukan tertentu pada bandar-bandar atau pinggir-pinggir bandar sahaja bahkan hendaklah disalurkan atau didirikan di luar-luar bandar terutama kepada mereka yang perlukan perumahan untuk mereka hidup dengan lebih selesa dari masa ke semasa.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan.

5.36 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa ke atas peruntukan untuk Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan di bawah Kepala B. 15, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Perlesenan dan Khidmat Nasihat.

Tuan Pengerusi, ingin saya membuat beberapa komen terhadap kemajuan estet-estet perumahan oleh pemaju-pemaju swasta dan juga penjualan rumah kepada orang ramai. Sekim-sekim perumahan swasta ini dikawal oleh Akta Pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) 1966 dan kaedah-kaedah Pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) 1970.

Parlimen telahpun meluluskan kaedah-kaedah yang berpatutan yang mengawal pembinaan kemajuan dan penjualan rumah-rumah untuk orang ramai dan juga syarat-syarat dan keadaan-keadaan di bawah mana rumah-rumah tersebut boleh dijual. Adalah amat memeranjatkan untuk perhatikan beberapa orang pemaju rumah telah melanggar kaedah-kaedah ini. Pelanggaran

kaedah-kaedah ini boleh kelihatan di beberapa sekim perumahan di Wilayah Persekutuan di mana jalan-jalan dibiarkan, parit-parit telah runtuh (collapsed drains), tidak ada sebarang tiang lampu dan kemudahan-kemudahan rekreatonal untuk kanak-kanak.

Memandang kepada "non-compliance" pemaju-pemaju swasta dengan rancangan-rancangan asal yang dilulus yang nampaknya diubah dari semasa ke semasa dengan persetujuan perancang-perancang bandar di Dewan Bandaraya, pihak Dewan Bandaraya enggan mengambilalih beberapa kawasan perumahan swasta tertentu di dalam Wilayah Persekutuan. Juga, pihak Dewan Bandaraya, telah secara resmi mula mengutip cukai pintu dan juga cukai-cukai lain daripada penghuni-penghuni yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan tersebut sejak dua tahun yang lalu. Tetapi malangnya, perkhidmatan yang diberi oleh pihak Bandaraya adalah kurang memuaskan dan alasan yang diberi oleh pihak Bandaraya ialah ia tidak dapat memberi perkhidmatan yang penuh dan cekap sehingga semua jalan-jalan, parit dan padang-padang di kawasan-kawasan perumahan disediakan dengan baik oleh pemaju-pemaju perumahan swasta. Memandang kepada sikap "ball-game" ini yang dipraktik oleh Dewan Bandaraya dan pemaju-pemaju banyak daripada kawasan-kawasan perumahan di dalam Wilayah Persekutuan telah terbiar menjadi kawasan-kawasan prebet atau separuh prebet dan kawasan-kawasan perumahan ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti tiang lampu, jalan-jalan yang baik dan tempat permainan kanak-kanak.

Kawasan-kawasan lapang yang pada asalnya diperuntukkan untuk dijadikan tempat permainan kanak-kanak kini telah penuh dengan lalang; juga tapak-tapak ini telah menjadi "dumping grounds". Yang lebih anihnya, beberapa daripada kawasan lapang ini telah ditukar menjadi lot-lot perumahan oleh pemaju-pemaju dan ini juga telah dipersetujui oleh pihak Perancang Bandaraya. Keadaan ini telah lebih kurang menukar sekim-sekim perumahan ini kepada "slum" moden di mana rumah-rumah dikelilingi dengan lalang, parit-parit disumbat dengan sampah sarap, jalan-jalan di sekim tersebut penuh dengan lubang dan simpang-simpang tidak mempunyai apa-apa tanda jalan pun.

Ini bukanlah kali yang pertama saya menyebut perkara "malpractice" oleh pemaju-pemaju swasta. Malahan, pada 17hb Julai tahun 1975, dalam Ucapan Penangguhan saya yang disampaikan di Dewan yang mulia ini, saya telah dengan secara detail memberi pelanggaran kaedah yang dilakukan oleh pemaju Taynton View Housing Estate di Batu 6, Jalan Cheras, Kuala Lumpur dalam kawasan saya. Selain daripada ini saya juga telah menyebut tentang "deviation from original plan" oleh syarikat Nam Fuat (M) iaitu pemaju Taman Salak Selatan, yang juga terletak di kawasan saya apabila Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa dibahaskan awal tahun ini. Tuan Pengerusi, adalah amat mendukacitakan untuk memerhatikan bahawa tidak ada sebarang percubaan dibuat oleh Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan untuk menentukan bahawa undang-undang berkait dengan perumahan dipatuhi.

Akta Pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) dan kaedah-kaedah yang terkandung dalam Akta tersebut mentafsirkan kesalahan-kesalahan dan juga hukuman-hukuman yang akan dikenakan sekiranya seseorang tidak mematuhi kaedah-kaedah tersebut. Adalah nyata Menteri berkenaan telah gagal dalam tugasnya kerana beliau tidak mahu menyemak dan mendakwa mereka yang melanggar kaedah-kaedah serta memperdayakan orang ramai. Menteri yang berkenaan nampaknya tidak mengambil berat dalam hal ini dan beliau itu adalah bersalah seperti pemaju-pemaju kerana Yang Berhormat Menteri tidak melayan aduan-aduan yang dibuat kepadanya tentang pelanggaran undang-undang oleh para pemaju perumahan.

Tuan Pengerusi, meskipun terdapat beberapa assurance dan janji yang dibuat oleh Menteri berkenaan dan juga pegawai-pegawai kanannya yang mengatakan bahawa mereka akan membantu pembeli-pembeli rumah dari dieksploitasikan oleh pemaju-pemaju yang tamak dan kotor, tetapi sehingga hari ini saya belum melihat apa-apa tindakan tegas yang diambil terhadap seorang pemaju pun. Oleh demikian, bukanlah menjadi sukar bagi kita, untuk memahami mengapa parti-parti dalam gabungan Barisan Nasional dapat memungut derma dengan banyak untuk tabung pilihanraya mereka.

Saya cabar Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini bilangan aduan-aduan yang beliau telah menerima

daripada pembeli-pembeli rumah dan juga nyatakan bilangan pemaju-pemaju yang telah diambil tindakan terhadap mereka dan basil tindakan tersebut.

Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk memberitahu Dewan tentang pelanggaran-pelanggaran undang-undang yang sentiasa dilakukan oleh pemaju-pemaju rumah:

- (a) mengutip wang pertaruhan daripada pembeli-pembeli rumah yang melebihi amaun yang dibenarkan oleh undang-undang dan ini adalah bertentangan dengan Seksyen 10 Kaedah-kaedah Pemaju-pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) 1970;
- (b) menjual lot-lot tanah yang tertakluk kepada "encumbrances" dan ini menyalahi Seksyen 12 (b) Kaedah-kaedah Pemaju-pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) 1970;
- (c) memungut bayaran progres yang melebihi sekim pembayaran yang dinyatakan di Jadual C yang juga menyalahi Seksyen 12 (e) Kaedah-kaedah Pemaju-pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) 1970;
- (d) gagal memberi rumah yang siap dibina dalam masa 18 bulan selepas tarikh kontrak penjualan ditandatangani yang menyalahi Seksyen 12 (o) Kaedah-kaedah Pemaju-pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) 1970;
- (e) gagal membayar "indemnity" kepada pembeli-pembeli rumah untuk ke-lambatan yang diakibatkan dalam menyampaikan rumah-rumah yang siap dibina dalam jangka masa yang disyaratkan. Amaun "indemnity" mesti dikira dari hari ke hari dengan kadar tidak kurang daripada 8% setiap tahun dari harga membeli yang mula berkuatkuasa sebaik sahaja selepas tarikh "delivery of vacant possession" sebagaimana dinyatakan dalam kontrak penjualan menurut Seksyen 12 (r) kaedah-kaedah perumahan tersebut.

Setahu saya, Tuan Pengerusi, apabila pembeli-pembeli rumah mengadu ataupun petisyen kepada Kementerian beliau tentang pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan yang menjalankan urusan-urusan yang bertentangan dengan kepentingan seorang pembeli rumah

ataupun pemaju tersebut tidak memenuhi syarat-syarat yang dipersetujui, Menteri yang berkenaan sentiasa menasihatkan pembeli-pembeli ini mengambil tindakan mahkamah. Apabila kes ini dibawa ke mahkamah, tarikh kes itu akan dibicarakan mengambil masa yang panjang sangat. Ini hanya akan mengakibatkan perbelanjaan-perbelanjaan ke-
lebihian yang tidak perlu kepada pembeli-pembeli rumah.

Memandang kepada fakta masa dan orang yang terlibat dalam hal litigation, pembeli-pembeli rumah terpaksa hentikan sebarang litigation kerana jika mereka meneruskan litigation, ianya akan melibatkan perbelanjaan yang lebih banyak. Dalam keadaan ini, pembeli rumah terpaksa berkompromi di luar mahkamah dengan pemaju-pemaju rumah dengan menerima pembayaran balik wang pertaruhan mereka ataupun menerima balik segala bayaran yang dibuat mereka tanpa apa-apa faedah. Ada pula sebaliknya, pembeli-pembeli rumah yang terlibat itu ditawarkan lot yang lain dan bukan lot yang mereka telah menempah atau rezab terlebih dahulu dan harga lot-lot yang ditawarkan ini adalah lebih tinggi daripada lot-lot asal.

Tuan Pengerusi, inilah satu contoh baik yang menunjukkan bagaimana kapitalis-kapitalis yang berkuasa dan kaya dibenarkan mengeksploitasi orang-orang dari golongan pendapatan rendah.

Pelanggaran-pelanggaran undang-undang yang saya sebutkan tadi telah berlaku dalam penjualan rumah-rumah Taynton View Housing Estate dan di Taman Salak Selatan. Kedua-duanya kawasan perumahan ini terletak dalam kawasan saya. Dalam kes Taynton View Housing Estate, lesennya telah digantung untuk beberapa bulan pada awal tahun ini oleh Kementerian Perumahan. Tetapi, pemaju itu sekarang dibenarkan menyambungkan operasinya dengan tidak memenuhi syarat-syarat yang disetujunya itu dengan pembeli-pembeli rumah. Saya ingin meminta Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini mengapa langkah yang diambil oleh Menteriannya untuk menentukan pemaju tersebut akan mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan kawasan perumahan tersebut. Saya juga ingin tahu langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perumahan untuk memastikan kepentingan-kepentingan para pembeli rumah di Taynton View Housing Estate yang telah

membayar wang pertaruhan ataupun menandatangani perjanjian untuk membeli rumah-rumah sebelum tahun 1970 sebagaimana terkandung dalam memorandum saya kepada Yang Berhormat Menteri pada 5hb Mac, 1975. Saya juga berharap Menteri yang berkenaan akan memberitahu Dewan ini kedudukan pembeli-pembeli rumah yang telah menandatangani perjanjian serta membayar wang pertaruhan mereka pada tahun 1971 dan 1972 untuk membeli rumah-rumah di Taman Salak Selatan tetapi sehingga ini masih belum lagi diberikan rumah yang mereka telah menempah.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Farn Seong Than: Lagi lima minit.

Tuan Pengerusi: Pendekkan.

Tuan Farn Seong Than: Ya. Saya percaya, Tuan Pengerusi, terdapat juga kes-kes seumpama ini dimerata-rata di negara-negara kita. Sebagai satu langkah jangka panjang untuk mencegah perbuatan-perbuatan curang ini oleh pemaju-pemaju yang unscrupulous. Saya ingin mencadangkan supaya Menteri yang berkenaan menguatkuasakan Fasal 12 dan Fasal 13, Akta Pemaju-pemaju Perumahan (Pengawalan dan Pelesenan).

Fasal 12 Akta tersebut memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan untuk memberi arahan umum kepada seorang pemaju jika didapati perlu dan patut untuk tujuan menentukan pemaju-pemaju mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut. Fasal 13 Akta tersebut memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan ataupun menggantung lesen seorang pemaju perumahan jika pemaju tersebut menjalankan urusan yang tidak secukup dengan Akta tersebut. Adalah akan menjadi amat mustahil dan juga membazirkan masa sekiranya Menteri yang berkenaan cuma menasihati pembeli-pembeli rumah supaya membawa aduan mereka ke Mahkamah sedangkan Akta tersebut mempunyai kuasa-kuasa yang mencukupi untuk membenarkan Menteri yang berkenaan menimbangkan segala aduan tentang pelanggaran Undang-undang.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya merayu Menteri yang berkenaan supaya menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta tersebut dengan adil dan tegas.

Tuan Pengerusi: Saya hendak jemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.05 minit. Saya benarkan dua orang sahaja lagi berucap, Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar dahulu, kemudian Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.53 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin memberi teguran di bawah Kepala Pembangunan 15, Pecahan-kepala 31—Kemajuan Perkampungan di mana terdapat pemberian sebanyak \$19 juta bagi tahun 1976 sampai 1980. Sungguhpun ini adalah suatu tanda yang baik oleh sebab terdapat tambahan, saya rasa cadangan tambahan ini masih tidak mencukupi, kampung-kampung baru sudah lama terbiar.

Kita cuma ketahui bahawa kebanyakan kampung-kampung baru tidak terdapat bekalan elektrik, air dan saluran parit dan kebanyakan darinya belum lagi diberi geran-geran tanah. Keadaan begini telahpun berlangsung selama beberapa tahun dan masanya sudah tiba Kerajaan mengambil langkah-langkah yang aktif untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi ini. Masaalah ini telah menjadi lebih buruk di tempat-tempat seperti Kedah di mana tanah dibahagikan kepada tanah khas dan bukan khas (reservation and non-reservation land). Adalah terdapat lebih banyak kawasan tanah khas daripada tanah bukan khas di Kedah. Ini akan menyulitkan pemberian tanah untuk kampung baru dengan tidak payah menyentuh polisi tanah Kerajaan negeri.

Kita semua ketahui ini adalah satu masalah yang sukar diatasi akan tetapi kalau kita mahu Rancangan Malaysia Ketiga mencapai kejayaan terutamanya apabila salah satu objek rancangan ini ialah bagi menghapuskan kemiskinan, kita harus mencari satu jalan bagi mengatasi masalah sosial dan ekonomi ini supaya semua di negara ini tidak mengira warna dan bangsa akan mendapat tempat di Malaysia dengan lebih bermakna lagi.

5.56 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong apa yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Perumahan dan Perkampungan. Bercakap berkenaan Kepala B. 15, Pecahan-kepala 110, muka surat 89 saya juga menyokong pentadbiran am berkenaan insuran yang

telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, patut diadakan dan di-bolehkan juga membuat rumah kayu di dalam bandar.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian yang berkenaan hendaklah menjadi satu Kementerian yang membawa kepada perpaduan kaum yang ada dalam Malaysia pada hari ini. Kerana kita tahu tiap-tiap seorang yang berkehendakkan tadi boleh kita warnakan, kerana seperti kata pepatah: pisau ada di tangan kita, mentimun ada di tangan kita, jadi kita yang akan membuat rumah, maka orang akan meminta daripada kita rumah yang berkenaan. Jadi patutlah perkampungan-perkampungan sebagai-mana yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi, saya harap sangat, ini saya suka bercakap dengan terus terang, di masa yang akan datang kalaulah ada dalam peristiwa kita tidak berkehendakkan lagi dalam peristiwa itu akan diumumkan oleh Menteri yang berkenaan yang mana ada satu kaum sahaja mendapat habuan di situ, jangan pula dikata seolah-olah Menteri ini adalah Menteri untuk satu kaum. Ini adalah teguran yang ikhlas daripada perasaan yang suci, daripada sama-sama kita Ahli-ahli Barisan Nasional. Saya berharap selepas Dewan ini meluluskan, tidaklah berbangkit lagi ataupun tidak timbul lagi dalam peristiwa seperti apa yang dikatakan pada hari ini. Saya harap kalau boleh perkampungan yang kita akan buat ini terdiri daripada berbilang bangsa yang ada dalam Malaysia. Seolah-olah kita jadikan perpaduan di situ, biarlah ada semua bangsa dan kita lengkapkan dengan ada jalan yang cukup, taliair yang cukup, dan kalau bumiputra lebih daripada 50% patut kita adakan satu bangunan surau ataupun tempat beramal ibadat seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tadi. Tetapi tentang sekolah, kita adakan untuk semua tempat, kerana ini tidak kira bangsa, tidak kira kaum mana, begitu juga kelinik dan sebagainya. Saya berharap kita lantik satu Jawatankuasa yang kita namakan Jawatankuasa J.M.P. iaitu Jawatankuasa Muhibbah Perpaduan. Kita berharap sangat dengan perkampungan yang kita buat ini kerana kita yang mengeluarkan wang membuat projek, jangan ada di antara rakyat di situ yang tidak taat setia kepada Kerajaan. Kadang-kadang dia ada di situ, kadang-kadang dia keluar dan dia balik menentang

Kerajaan. Kalau adalah orang macam ini, Jawatankuasa itu akan bertanggungjawab memberi laporan kepada pihak yang berkenaan.

Tentang harga rumah, Tuan Pengerusi, saya menyokong supaya jangan ada harga yang lebih mahal kerana masalah rumah ini berlaku di tiap-tiap negeri. Tiap-tiap orang berjumpa kita mengatakan: aku hendak rumah. Saya hairan, ada setengahnya yang sudah ada rumah pun hendak meminta rumah lagi. Sebab apa yang dibuat oleh Kerajaan hari ini pada pendapat saya bukan kepada orang yang tidak ada rumah bahkan orang yang ada rumah pun dapat. Dia hendak sangat, sebab dia fikir rumah itu cantik dan harganya berpatutan dan boleh dibayar. Kadang-kadang orang yang patut dapat, tidak dapat; yang tidak patut dapat, dapat. Ini saya tidak mahu merayu kepada Kementerian yang berkenaan, maklumlah kita hendak jaga wang rakyat Malaysia yang beribu-ribu sedangkan satu keluarga kadang-kadang payah hendak dijaga, inikan pula berpuluh ribu. Itu saya tidak salahkan sesiapa, tetapi dasar ini patut kita ubah. Saya tidak fikir, Tuan Pengerusi, kalau rumah berharga \$3,000 ataupun \$5,000 orang berlumba-lumba hendak, orang tidak menolak. Tetapi oleh sebab rumah itu cantik dalam bandar pula, boleh bayar sedikit, semua berlumba-lumba hendakkan rumah. Cuba kita hadkan harganya betul-betul supaya murah. Harga murah bukan ada had. Kalau harga biasa \$100,000 dia letak harga \$80,000 murah daripada \$100,000. Harga \$800,000 murah daripada \$1 juta. Jadi biarlah murah setakat mana kosnya seperti kata Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi. Kalau murah setakat mana murah? Saya takatkan murah di antara \$3,000 dengan \$5,000. Biar kita padan atau berpatutan.

Tuan Pengerusi, misalnya bandar yang didirikan seperti Kuala Lumpur, kita yang buat bandar itu, kita buat bangunan, buat jalan kerana tempat ini pada masa dahulu banyak lumpur, sebab itulah dinamakan Kuala Lumpur. Yang membina bandar ialah kita sendiri, sekiranya kampung kita jadikan bandar juga boleh dibina. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya membanyakkan rancangan perumahan di kampung-kampung, janganlah kita tumpukan pembangunan di bandar-bandar sahaja sebagaimana yang terdapat

pada hari ini kebanyakan hanya di bandar-bandar dan di kampung tidak ada. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu saya juga bersetuju, kerana kalau kita mendirikan di kampung atau di luar bandar harga tanah di sana murah dan kita boleh membawa industri di kampung, janganlah kita tumpukan semata-mata di bandar.

Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan mengenai apa yang kita telah suarakan tentang masalah kekurangan rumah dan rumah kos rendah, patutlah di hari baik dan bulan yang baik ini, kita dirikan, perkara ini juga saya sokong sepenuhnya dan diharap Kementerian ini akan menjadi sebagai Kementerian yang membawa kepada perpaduan kaum serta perseimbangan kaum bagi semua rakyat untuk perpaduan kita bersama.

6.03 *ptg.*

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun berucap dan sudi memberi cadangan-cadangan yang membina dan juga membahaskan Anggaran-anggaran Belanjawan bagi tahun 1977 mengenai Kementerian saya.

Mula-mula sekali saya hendak menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang mana meminta Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak membina rumah-rumah kos rendah dan kayu dan lain-lain di dalam lingkungan kos yang boleh dimiliki oleh guru-guru dan lain-lain juga diadakan di kawasan untuk membina dan memperbaiki kaedah-kaedah tempat-tempat perniagaan.

Tuan Pengerusi, saya suka menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa sememangnya menjadi hasrat Kerajaan supaya projek perumahan kos rendah dibina dalam kawasan sebagaimana yang disebutkan tadi yang diperlukan di seluruh Negeri Sarawak bagi faedah rakyat atau golongan yang berpendapatan rendah di Sarawak. Saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah bahawa peruntukan yang diwujudkan di bawah Pecahan-kepala 11 itu dilaburkan kepada P.K.P.S. (Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak) untuk tujuan yang saya sebutkan tadi. Bagi pembinaan dan memperbaiki kedai serta tempat-tempat perniagaan, saya suka menegaskan untuk

makluman Ahli Yang Berhormat itu di sini bahawa adalah dibuat dalam bidang rancangan perumahan awam kos rendah yang dilaksanakan melalui peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi. Walau bagaimana keadaan-keadaan yang saya katakan ini bolehlah saya mengambil pandangan dan sebagainya.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya sukaiah menerangkan dengan sejelas-jelasnya mengenai kenyataan beliau terhadap Kementerian saya. Kementerian saya sedang menyusun kerana Kementerian ini baru sahaja wujud dan perkara seumpama ini telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat pada bulan September, 1974. Di sini saya sukaiah hendak menegaskan dan hendak menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya beliau faham benar-benar agar jangan membuat kenyataan dalam Dewan yang mulia ini atau membuat tuduhan yang tidak berasas dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan sistem pembahagian yunit-yunit rumah yang disiapkan di bawah rancangan perumahan awam, sebagaimana yang dibangkitkan dalam teguran Ahli Yang Berhormat itu adalah membayangkan satu pandangan yang sengaja dibesar-besarkan, perkara yang subsidiary, sedangkan perkara yang pokok yang kita jadikan faktor penting dalam sistem pembahagian sekarang ini sengaja disorok-sorokkan. Dalam sistem pemberian itu, saya telah jelaskan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini dan sebagaimana yang telah saya terangkan dahulu rancangan perumahan awam yang dilaksanakan menerusi usaha Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah menjadi sebahagian daripada alat dan strategi untuk mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru. Itulah sebabnya. Tuan Pengerusi, maka penyusunan semula rakyat dijadikan satu faktor yang penting dalam sistem pembahagian ini, dengan adanya faktor ini di samping faktor-faktor lain seperti ketiadaan tanah atau rumah sebagai kelayakan bagi mendapatkan yunit-yunit rumah yang dibina itu maka ini bererti bahawa peluang yang terbuka bagi rakyat adalah luas dan tidak terhad kepada mereka yang bermastautin dekat sesuatu projek perumahan awam sahaja. Kita tidak harus mengulangi kesilapan yang telah berlaku pada masa sebelum peristiwa 13hb Mei, 1969 itu, akibat membiarkan mereka yang

hampir-hampir untuk mendapatkan punca-punca peluang dan cekap pula mencapai peluang itu sahaja yang menerima hasil pembangunan sedangkan ada rakyat yang lain yang layak menerimanya tertinggal dan diketepikan. Perkembangan secara itu adalah dimeratakan demi untuk perpaduan dan perkembangan secara itu telah meretakkan perpaduan di antara kaum.

Tuan Pengerusi, kita tidak mahu sistem pembahagian itu terserah kepada soal nasib semata-mata. Cara yang disarankan oleh beliau itu kononnya berlandaskan kepada keadilan dan percakapan beliau pada keseluruhannya di dalam Dewan ini sama tujuannya dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi iaitu di atas keadilan. Cara yang disarankan oleh beliau itu kononnya adalah berlandaskan keadilan. Dalam soal pembahagian rumah-rumah, soal keadilan mestilah berlandaskan kepada keadaan prinsip-prinsip Rukunegara yang menjadi punca Dasar Ekonomi Baru kita. Keadilan yang perlu mesti dijalinan menurut Rukunegara iaitu masyarakat adil yang bererti bahawa sesuatu sistem pembahagian hasil pembangunan negara seperti yunit-yunit rumah untuk rakyat hendaklah menghasilkan perimbangan antara kaum iaitu di antara yang menjadi masyarakat di kawasan yang berkenaan itu.

Tuan Pengerusi, mengundi bagi menentukan sesiapa yang berjaya dan siapa yang gagal mendapat yunit-yunit rumah itu telah banyak disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa-masa ini. Yunit rumah itu adalah diterima dari diamalkan sebagai satu cara hanya setelah diproses penapisan dijalankan demi menjamin perpaduan di kalangan masyarakat. Cara yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidaklah boleh menjamin perpaduan yang diutamakan itu khasnya daripada parti D.A.P., sebaliknya cara itu boleh melibatkan kepincangan dan mengancam perpaduan masyarakat di kawasan yang berkenaan itu. Cara yang disarankan itu yang kononnya dikatakan keadilan adalah satu mirage atau bayang-bayang sahaja. Ia sekejap, tidak kekal lama malah cara itu boleh membahayakan negara kita. Dan janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat mengeluarkan api-api dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan yang mulia ini supaya keadaan rakyat dan rancangan pembangunan yang saya telah bentangkan peruntukannya tahun 1977 yang akan datang ini

dapat berjalan dengan sebaik-baiknya dan dapat berjalan sesuai mengikut cara keadilan dan mengikut cara-cara dan kehendak-kehendak rakyat dan sistem pembahagian rumah kos rendah yang dijalankan sekarang akan diteruskan, tetapi menyedari bahawa sesuatu sistem yang dikendalikan oleh manusia tidak sepi dari kelemahan maka pengendaliannya akan sentiasa dipastikan oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ada juga menyebut mengenai dengan soal pihak-pihak swasta, pemaju-pemaju perumahan. Pemaju-pemaju perumahan dan pihak-pihak swasta cukup lengkap dengan undang-undang yang telah kita adakan di sini seperti yang dikatakan terhadap Rancangan Perumahan Seri Alam. Rancangan Perumahan Seri Alam itu ialah mengenai dengan tanah. Walaupun Ahli Yang Berhormat sendiri faham bahawa tanah itu adalah di dalam kekuasaan Negeri dan tanah itu diberi untuk tapak rumah dan dijual tanah. Jadi apakala tanah dijual, Kerajaan Negeri pun akan mengambil tindakan kalau mereka itu melakukan kesalahan-kesalahan yang tidak mengikut syarat-syarat pemberian tanah itu, bukan masalah Kementerian dan kita bukan tidak sedar akan perkara itu, masalah Syarikat Seri Alam yang memberi lot-lot tapak rumah kepada orang yang hendak buat rumah dan tanah itu ialah tanah pertanian dan kita faham, Kementerian saya sedar. Tetapi perkara itu Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan. Dahulu saya telah menerangkan dalam Dewan Rakyat ini berhubung dengan masalah yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga minta supaya saya menjelaskan dalam Dewan ini mengenai perumahan di Batu 3½, Cheras, bagaimana di Batu 3½, Cheras, rumah itu telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya, joint-venture bersama-sama dengan pemaju-pemaju perumahan dan rumah itu adalah sekarang ini sedang dalam proses dan diberi borang-borang sebanyak 15,000 lebih yang memohon untuk hendak mendapatkan rumah yang tersebut dan di sini saya telah menjelaskan dalam Dewan ini pada masa dahulu berhubung dengan cara-cara hendak memberikan rumah itu. Antaranya:

- (1) Pendapatan sekeluarga pemohon;
- (2) Pemilikan rumah atau tanah oleh pemohon;

- (3) Jenis kerja pemohon;
- (4) Besarnya bilangan dan keadaan keluarga pemohon;
- (5) Keupayaan pemohon untuk membayar balik;
- (6) Tujuan menyusun semula masyarakat demi kepentingan perpaduan dan keselamatan negara;
- (7) Lamanya pemohon tinggal dalam kawasan projek perumahan tersebut;
- (8) Lain-lain hal yang perlu ditimbang oleh Kerajaan Negeri atau Dewan Bandaraya atau ejensi-ejensi perlaksanaan menurut sesuatu keadaan tempatan.

Di samping itu untuk memberi sebenar-benar keadilan yang saya telah jelaskan terdahulu daripada itu tadi, Tuan Pengerusi, ialah kita berkehendakkan supaya ada period of objection. Jadi selama 2 minggu kita beri masa yang mana telah dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya supaya dapat mereka yang memohon rumah di Batu 3½ itu sama turut memberi komen termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga dari Sungai Besi, daripada D.A.P., boleh melihat dan boleh membuat teguran-teguran. Kita beri tempoh selama 2 minggu untuk membuat bantahan kepada sesiapa yang disebutkan, kalau ada rumah itu lebih atau kalau ada orang yang berpendapatan lebih dan sebagainya. Jadi pihak orang ramai boleh memberi teguran dan apakala kita dapat teguran-teguran itu, kita short-listed mereka yang akan dapat rumah itu yang akan kita berikan kepada mereka, bukanlah tidak boleh kita tolak pula kepada mereka. Kuasa itu memang ada dan pihak Kerajaan kita ada membuat perkara-perkara yang seumpama itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang membangkitkan anika perkara mengenai dengan perumahan dan perkampungan, kebanyakannya telah diambil perhatian oleh Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai kerja-kerja yang ada diberi kepada bumiputra dan sebagainya. Masalah kontrektor ini adalah masalah tender. Tender-tender ini diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan menguruskan tender-tender itu dan saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri telah beberapa kali membuat pengumuman

mengenai berapa peratus diberi kepada bumiputra untuk hendak mendapatkan kontrek dan rumah yang hendak dibuat bukan sahaja di dalam bandar malah di luar bandar, itu adalah menjadi tujuan Kerajaan bahawa rancangan perumahan awam kos rendah yang dibuat oleh Kerajaan pada masa tahun hadapan ialah rumah yang akan dibina dan akan diberi kontrek dan sebagainya dan bolehlah saya dalam Kementerian ini untuk melihatkan kalau ada bumiputra-bumiputra yang berkehendakkan ambil tender itu. Kita berharap syarat-syarat yang bumiputra hendak ambil ini hendaklah memenuhi sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam mencadangkan mengenai perumahan, itu adalah baik dan akan dipertimbangkan sewajarnya. Harga rumah yang dijual oleh pemaju perumahan memang ada yang berlebihan setengah-setengah dan saya telah beberapa kali meminta kepada pemaju-pemaju supaya lebih bertimbang rasa kepada masyarakat, malahan Kementerian saya akan mengenakan syarat tertentu yang bertujuan menggalakkan pemaju-pemaju perumahan swasta tidak memikirkan soal keuntungan semata-mata. Langkah-langkah itu adalah memberi kesan walaupun masih terhad. Di sini saya suka menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian saya telah menjemput pemaju-pemaju perumahan, selalu kita mengadakan perbincangan-perbincangan dengan mereka itu dan dalam perbincangan itu kita akan memberi ketutamaan kepada pemaju-pemaju perumahan yang hendak mendirikan rumah. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyebut mengenai masalah pemaju-pemaju perumahan bahawa pemaju-pemaju perumahan mendirikan rumah dengan mengambil keuntungan yang besar dan begitu juga harga rumah itu yang terlalu tinggi dan mahal. Lesen yang akan dikeluarkan oleh Kementerian saya ialah mereka yang sanggup membina rumah yang harganya antara \$10,000 sehingga \$25,000. Mereka ini kita akan berikan keutamaan kepada pemaju-pemaju perumahan yang begini. Kalau yang buat itu lebih mahal, kita akan kenakan deposit yang tinggi sebagaimana yang telah ditegur oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi. Kita akan kenakan deposit yang tinggi. Umpamanya

kepada Company \$250,000 dan orang perseorangan (syndicate) \$100,000 untuk mendirikan rumah-rumah.

Mengenai perkampungan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa wujudnya Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan pada bulan September 1974, memang benar dahulu Kementerian ini Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru boleh memandang keadaan kemodenan atau keadaan pemikiran Ahli-ahli Dewan dan pemimpin-pemimpin kita, khususnya Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada sekarang ini supaya Kampung Baru itu mencerminkan keadaan perpaduan yang disebut perkampungan. Oleh itu peruntukan yang disediakan itu bukan sahaja diberi kepada Kampung-kampung Baru tetapi juga akan diberikan kepada kampung-kampung yang biasa dan kampung-kampung yang lama. Tetapi kita sedia maklum bahawa Kampung-kampung Baru yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tadi ada sebanyak 465. Dari 465 Kampung-kampung Baru ini, kalau kita kira yang bukan Kampung Baru pula barangkali beribu-ribu yang bukan Kampung Baru. Dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu, Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat iaitu peruntukan yang diberi kepada kampung-kampung biasa adalah melebihi daripada \$4 juta. Kita hendaklah ingat bahawa penduduk-penduduk kampung baru itu adalah rakyat kita juga, begitu juga dengan kampung-kampung biasa, mereka itu rakyat kita juga. Apakala pertukaran dibuat mengenai Kementerian Perkampungan, maka adalah tugas kita untuk memberi kemudahan-kemudahan itu kepada semua perkampungan.

Kementerian ini tidaklah dapat hendak menyatakan supaya rancangan-rancangan itu dapat berjalan. Kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli dari Bukit Mertajam ataupun daripada mana-mana sahaja supaya kita dapat bekerjasama untuk melaksanakan projek-projek di setiap kampung-kampung baharu dan kampung-kampung biasa. Tetapi di peringkat ini, kampung-kampung baru adalah kawasan-kawasan yang diperlukan dalam masalah keselamatan dan lain-lain, itulah yang dilaksanakan. Kampung-kampung yang lain seperti meminta surau dan Jabatan Ugama,

ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan untuk hendak memberi peruntukan itu secara memberi terus daripada Kementerian ini, melainkan kenalah merujuk kepada Bahagian Penyelarasan dan Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Dan di Jabatan Perdana Menteri lah masjid-masjid dan tok kong-tok kong, kuil-kuil dapat diberi atau dibina baru dan sebagainya. Cuma kalau ada projek-projek kecil-kecil (minor projects) seperti repair dan sebagainya, bolehlah dipertimbangkan oleh Kementerian saya berhubung dengan kemajuan ibadat dan kemajuan lain-lain.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani sangatlah menasabah dan saya akan cuba mempercepatkan lagi prosesnya supaya Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek perumahan yang disebutkan oleh beliau itu. Dan dengan yang demikian permintaan mengenai padang-padang permainan di mana yang dicadangkan akan dimaju dan dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat itu telah mengucapkan terima kasih atas lawatan yang saya buat ke sana dan ada memberi peruntukan. Yang sebenarnya pemergian saya itu adalah bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri. Tujuan kita adalah untuk hendak memajukan dan sebagaimana yang telah saya katakan bahawa projek yang kecil-kecil itu dapatlah kita berikan peruntukan untuk memperbaiki atau membuat padang-padang yang kecil-kecil. Manakala projek yang besar-besar, kita akan rojok kepada apa yang saya telah sebutkan terdulu daripada itu. Dan kalau rancangan-rancangan berkenaan dengan perumahan ini pada masa yang akan datang, Kementerian saya akan mengambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Paub telah menyatakan bahawa rumah adalah satu keutamaan (priority) Kerajaan. Dan dengan strategi yang telah diterangkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, Kerajaan yakin akan tanda-tanda yang positif bahawa proses penyediaan rumah-rumah sudah mula bertambah cepat dan kedua-dua pihak, iaitu ejensi-ejensi Kerajaan dan pemaju-pemaju swasta sudah mula menjalin bilangan rumah-rumah yang bertambah sebagaimana yang saya telah katakan tadi. Sebagaimana yang telah diperkatakan dulu, usaha-usaha mempercepatkan proses itu bergantung kepada banyak faktor. Di

antaranya ialah keupayaan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Setakat ini Jabatan Perumahan Negara giat membantu mereka yang kurang keupayaan seperti di negeri-negeri Kelantan, Perlis dan Kedah. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Paub itu dalam hubungan kita dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, peranan wakil-wakil rakyat adalah amat penting sekali. Mereka boleh mempercepatkan pelaksanaan projek-projek perumahan terutamanya perumahan awam yang diperuntukkan sebagai tugas-tugas Kerajaan-kerajaan negeri, Wilayah Persekutuan dan ejensi-ejensi mereka, kerana ada di antara mereka yang memerlukan bimbingan yang positif. Segala yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kehendak rakyat di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat itu, permohonan mereka akan saya sampaikan kepada pihak yang berkenaan di peringkat Negeri, di Wilayah Persekutuan di samping itu elok juga sekiranya perkara-perkara yang disampaikan terus kepada pihak-pihak yang saya sebutkan itu tadi.

Walaupun bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kerana Ahli Yang Berhormat telah meletakkan senarai kampung-kampung dalam negeri Pulau Pinang. Rumah-rumah yang didirikan ada yang 500, ada yang 50 dan ada yang 100 buah. Oleh itu rumah-rumah ini telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan di kawasan beliau itu sendiri tidak ada rancangan perumahan. Saya rasa elok Ahli Yang Berhormat merojok balik dengan Kerajaan Negeri Rancangan kita adalah Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga bukanlah projek itu setakat tahun 1977 sahaja. Ada juga projek tahun 1977 barangkali Ahli Yang Berhormat itu ada giliran pada tahun 1978, haruslah barangkali tidak termasuk kepada tahun 1977. Tetapi walau bagaimanapun, saya mengambil perhatian berat bukan sahaja di tempat Ahli Yang Berhormat tetapi barangkali banyak lagi tempat-tempat yang lain yang mana ada senarai-senarai yang kita beri peruntukan rancangan-rancangan perumahan itu. Dan Kemajuan Perkampungan mengenai infrastruktur yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya harap bolehlah peruntukan infrastruktur yang akan kita jalankan selepas diluluskan sahaja kewangan yang

saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini, maka bolehlah kita timbangkan dan kita laksanakan perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau menyentuh mengenai peranan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Kerajaan sedar bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua ada sedikit kekeliruan telah berlaku mengenai peruntukan-peruntukan yang disediakan di bawah Anggaran Pembangunan terutama mengenai peruntukan-peruntukan bagi projek-projek perumahan yang di-kendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta Suruhanjaya Perumahan mereka masing-masing. Di bawah Anggaran Pembangunan bagi Rancangan Malaysia Ketiga segala peruntukan yang dimaksudkan untuk rancangan perumahan daripada jenis kos rendah (low-cost houses) semuanya diletakkan di bawah kawalan Kementerian saya seperti yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 16 peruntukan itu. Manakala projek-projek perumahan termasuk kedai-kedai yang dianggap sebagai commercial venture adalah diletakkan di bawah kawalan Kementerian Perusahaan Awam. Saya suka merujukkan perkara itu di bawah Kepala P. 31.

Yang kedua, peranan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam usaha meng-

adakan perumahan dari berbagai jenis adalah memerlukan criterion yang berasingan:

- (i) Sebagai perincian untuk perumahan awam kos rendah.
- (ii) Untuk perumahan dari aspek perniagaan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau atas teguran-tegurannya, dan sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum ada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat dengan melaksanakan projek-projek selaku pemaju-pemaju swasta samada secara sendirian atau berusaha sama dengan syarikat-syarikat swasta yang lain serta

Tuan Pengerusi: Agaknya panjang lagi jawapannya, Yang Berhormat?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi: Boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang esok, hari Jumaat, 19hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.